

BAB PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

Al-Quran adalah *kalāmūllāh* yang diturunkan ke atas rasulnya, Muhammad s.a.w yang diberi pahala pembacaannya dan yang mencabar semua manusia, jin dan semesta alam. Allah tidak mencabar para malaikat dengan al-Quran sebab para malaikat tidak mempunyai pilihan dalam segala apa yang dilakukannya. Mereka hanya melakukan apa yang diperintahkan sahaja.¹

Al-Quran adalah mukjizat Nabi s.a.w yang kekal sehingga ke akhir zaman. Mukjizat al-Quran mengatasi semua mukjizat yang pernah diturunkan Allah s.w.t kepada sekalian Rasul sebelumnya. Hal ini disebabkan semua mukjizat sebelum al-Quran tidak kekal dan hanya dapat diketahui melalui penerangan al-Quran.²

Al- Quran sebagai kitab suci merupakan wahyu Allah s.w.t yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk disampaikan kepada umat manusia, sebagai pedoman dan pandangan hidup dalam mencapai kebahagiaan dan keredhaan Allah di dunia dan akhirat. Walaupun sudah lebih 1400 tahun diturunkan namun ia masih kekal dalam bentuk yang asli. Inilah janji Allah melalui firmanNya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Sesungguhnya Kamilah Yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah Yang memelihara dan menjaganya.

Surah al-Hijr (15): 9

¹ M. Mutawalli Sya'rawi (1985), *Mukjizat al-Quran*, Pustaka Nasional pte ltd Singapore, h. 6

² Dr. Mustafa Hj. Daud (1997), *Al-Quran sumber tamadun Islam*, JAKIM, h. 19

Adalah menjadi kewajiban setiap muslim yang berakal percaya bahawa Allah s.w.t memelihara al-Quran dalam berbagai bentuk pemeliharaan. Ini dibuktikan dengan beberapa dalil sesungguhnya Allah telah memelihara al-Quran dan *Lūh* tulisannya di sisiNya, memelihara cara menurunkannya ke *Lūh Mahfūz* dan menurunkannya ke *Baitūl-īzzāh* di langit dunia seterusnya diturunkan dan diwahyukan kepada RasulNya yang mulia.

Al-Quran dipelihara dengan dua keadaan iaitu, terpelihara di dalam mashaf-mashaf dan di dalam dada-dada penghafal al-Quran. Firman Allah s.w.t:

بَلْ هُوَ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ فِي صُدُورِ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ وَمَا يَجْحَدُ
بِآيَاتِنَا إِلَّا الظَّالِمُونَ

“Sebenarnya, Al Quran itu adalah ayat-ayat yang nyata di dalam dada orang-orang yang diberi ilmu dan tidak ada yang mengingkari ayat-ayat kami kecuali orang-orang yang zalim”.

Surah al-Ankabut (29): 49

Maksudnya di sini ayat Al Quran itu terpelihara dalam dada dengan dihafal oleh orang Islam turun temurun dan difahami oleh mereka, sehingga tidak ada siapa yang dapat mengubahnya. Bagi mereka yang mempunyai keinginan untuk bersama-sama memelihara amanah yang telah diberikan oleh Allah s.w.t kepada manusia ini, maka mereka perlu menghayati prinsip keagungan al-Quran dan mempunyai kaedah dan disiplin hafalan al-Quran yang perlu dipatuhi dan diamalkan.³

Sememangnya gelaran sebagai *Hafīz* atau *Hafīzah* sangat tinggi darjat dan martabatnya di sisi Allah s.w.t dan dipandang mulia di mata manusia. Namun ia bukan merupakan suatu

³ Darul Quran JAKIM (2008), *Kaedah Hafalan al-Quran*, Medan Hikmah Sdn. Bhd, h. 2

kebanggaan semata-mata melainkan ianya memegang amanah langsung daripada Allah s.w.t.⁴ Sekiranya hafalan ini tidak dijaga dan melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan akan melahirkan penghafal al-Quran yang tidak berkualiti. Inilah fenomena yang berlaku kepada para penghafal al-Quran di kebanyakan Institusi Tahfiz yang gagal menguasai hafalan al-Quran dengan baik.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Bidang hafalan al-Quran di Malaysia bukanlah merupakan satu bidang yang baru. Bidang ini berkembang sejak daripada pengajian di peringkat madrasah hingga ke peringkat pengajian tinggi.

Maahad Tahfiz al-Quran secara rasminya telah ditubuhkan pada tahun 1966 atas saranan Perdana Menteri Malaysia yang pertama Tuanku Abdul Rahman Putra al-Haj dan beroperasi di Masjid Negara, Kuala Lumpur.⁵

Pada tahun 1997 Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat telah dinaikkan taraf sebagai salah satu bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan diberi nama Darul Quran. Pada 1 November 1998, Darul Quran ditempatkan ke kampus tetap di Kompleks Darul Quran di Ampang Pecah Kuala Kubu Bharu, Selangor.⁶

⁴ Abu Mazaayaa al-hafiz (2006), *Panduan menghafal al-Quran*, , Darul Nu'man, cetakan kedua, h. 2

⁵ Dato' Hj Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz (2010), *Pendidikan Tahfiz al-Quran Aliran Sains : Satu Inovasi Baru Dalam Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia. Pengalaman Darul Quran JAKIM meniti Kecemerlangan Akademik Aliran Sains Para Huffaz*, Kertas kerja Konvensyen Sekolah-sekolah Agama Menengah Tahfiz Aliran Sains Peringkat Kebangsaan, h. 3

⁶ *Ibid*

Selepas Maahad Tahfiz Masjid Negara, beberapa maahad tahfiz negeri telah mula dibuka. Ia bermula pada tahun 1979 di Kelantan, diikuti Terengganu, Perak, Kedah, Perlis dan Selangor pada tahun 1980. Seterusnya pada awal 1990-an Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Sabah pula menubuhkan maahad tahfiz. Kebanyakan maahad tahfiz negeri mengguna pakai kurikulum Darul Quran sehingga ke hari ini.⁷

Perkembangan tahfiz di Malaysia dirancarkan lagi dengan penubuhan sekolah-sekolah tahfiz aliran sains di negeri-negeri. Kerajaan negeri (Jabatan Agama Islam/ Yayasan Negeri) telah menubuhkan sekolah menengah tahfiz di negeri masing-masing. Beberapa buah negeri seperti negeri Selangor, Kelantan dan Terengganu telah mempunyai Sekolah Menengah Tahfiz Sains. Begitu juga dengan kewujudan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang menawarkan program tahfiz dan sains di MRSM Kota Putera, Besut, Terengganu dan MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan.⁸

Selain itu, pihak swasta turut menawarkan pendidikan tahfiz sama ada diperingkat sekolah rendah, menengah dan peringkat institusi. Pendidikan tahfiz yang dikendalikan oleh pihak swasta terbahagi kepada integrasi (tahfiz dan akademik) dan tahfiz sepenuhnya (tahfiz sahaja).

Manakala di peringkat pengajian tinggi, selain daripada Darul Quran JAKIM terdapat juga Institusi Pengajian Tinggi yang menawarkan program Tahfiz di peringkat Diploma seperti Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Universiti Insaniah. Kini

⁷ *Ibid* h. 4

⁸ *Ibid* h. 4

bidang hafalan al-Quran bukan lagi diajar di maahad-maahad tahfiz tetapi telah sampai ke Institusi Pengajian Tinggi yang menawarkan program ke peringkat Diploma.

Perkembangan tahfiz memasuki era baru apabila Darul Quran JAKIM memperkenalkan program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) khusus untuk melahirkan golongan profesional yang menghafal al-Quran. Program ini telah bermula sejak daripada tahun 2000 lagi.

Justeru, kajian ini perlu dilakukan bagi melihat sejauhmana pencapaian hafalan pelajar yang mengikuti program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

MASALAHAN KAJIAN

Amalan hafalan al-Quran sudah bermula di zaman Rasulullah s.a.w lagi. Ianya diteruskan di zaman sahabat sehingga hari ini. Golongan penghafal al-Quran inilah yang diharapkan untuk memelihara dan menjaga al-Quran daripada diseleweng. Walaupun dengan wujudnya kecanggihan teknologi pada hari ini, namun ia tidak dapat menjamin daripada diseleweng dan dimanipulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dewasa ini, bidang penghafalan al-Quran bukan sahaja dihafal oleh golongan pelajar jurusan agama semata-mata bahkan turut dihafal oleh golongan pelajar bidang profesional melalui program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran – UIAM di Darul Quran JAKIM.

Walau bagaimanapun, timbul persoalan berkaitan tahap penguasaan hafalan al-Quran pelajar yang mengikuti program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran – UIAM ini memandangkan tempoh yang singkat untuk menghabiskan hafalan 30 juzu' al-Quran iaitu selama 18 bulan atau satu tahun setengah sahaja.

Sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk melihat adakah benar terdapat pelajar yang lemah dan bermasalah dari segi penguasaan hafalan al-Quran. Sekiranya terdapat kelemahan, adakah terdapat perbezaan tahap penguasaan itu dilihat dari aspek jantina dan sosioekonomi pelajar.

Daripada hasil kajian ini nanti dipercayai dapat mendedahkan pelbagai bentuk kelemahan yang selama ini membelenggu para pelajar. Penulis berharap satu pendekatan baru yang lebih sempurna perlu diambil dan dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Menganalisis pencapaian hafalan pelajar yang mengikuti program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran – UIAM.
2. Mengenalpasti perbezaan tahap penguasaan hafalan al-Quran pelajar berdasarkan pembolehubah bebas iaitu jantina dan sosioekonomi pelajar.
3. Mendalami masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pentadbiran, guru dan para pelajar dalam memantapkan hafalan pelajar.

HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian ini cuba melihat secara khusus keadaan sebenar tahap penguasaan hafalan al-Quran di kalangan pelajar program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran – UIAM. Ia cuba membuktikan samaada terdapat atau tidak perbezaan yang ketara terhadap penguasaan hafalan pelajar berdasarkan pembolehubah-pembolehubah yang telah ditetapkan. Kajian ini cuba membuktikan samaada terdapat atau tidak perbezaan dan pengaruh serta hubungan antara pembolehubah-pembolehubah bersandar dan tidak bersandar.

Dalam kajian ini pembolehubah bersandar ialah Ujian Hafalan al-Quran secara lisan (*syafawi*). Manakala pembolehubah bebasnya atau tidak bersandar pula ialah jantina dan sosioekonomi. Terdapat dua hipotesis yang ditetapkan dalam kajian ini. Berdasarkan hipotesis inilah jawapan akan dicari. Hipotesis nombor satu kajian adalah seperti yang berikut:

Ho1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap penguasaan hafalan al-Quran di kalangan pelajar berdasarkan jantina.

Ho2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap penguasaan hafalan al-Quran di kalangan pelajar berdasarkan sosioekonomi.

KEPENTINGAN KAJIAN

1. Melalui kajian ini juga diharapkan agar dapat menganalisis pencapaian hafalan pelajar yang mengikuti program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran – UIAM ini.

2. Kajian ini juga akan mengenalpasti tahap penguasaan hafalan al-Quran pelajar berdasarkan pembolehubah bebas iaitu jantina dan sosioekonomi pelajar.

3. Selain itu, kajian ini juga diharapkan agar dapat menganalisis masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pentadbiran, guru dan para pelajar yang terlibat dalam memantapkan hafalan pelajar.

HURAIAN ISTILAH

Terdapat beberapa istilah yang perlu dijelaskan bagi kajian ini untuk memantapkan lagi pemahaman terhadap tajuk ini.

- Program

Perkataan program menurut kamus dewan edisi keempat membawa beberapa maksud, antaranya ialah rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan (dalam pembangunan negara, perekonomian dan lain-lain).⁹

- Sijil Tahfiz Al-Quran Darul Quran JAKIM - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM- UIAM adalah merupakan salah satu program pengajian yang ditawarkan oleh Darul Quran JAKIM dengan kerjasama Universiti Islam

⁹ Dewan Bahasa Dan Pustaka (2005), *Kamus Dewan Edisi keempat*, Kuala Lumpur, h.1233

Antarabangsa Malaysia khusus untuk melahirkan golongan profesional yang menghafal al-Quran.

- **Pencapaian**

Pencapaian adalah merupakan apa yang telah dicapai (dihasilkan atau diperolehi) dan juga prestasi.¹⁰

- **Hafalan**

Menurut Kamus Dewan, hafalan daripada perkataan hafal yang membawa maksud terpelihara dan kekal dalam ingatan (khususnya tentang bacaan ayat suci al-Quran) dan dapat membaca seluruh al-Quran dengan tidak melihat kitab.¹¹

- **Pelajar**

Adalah orang yang belajar (seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya), orang yang mengaji (menyelidiki ilmu).¹²

- **Permasalahannya**

Merupakan sesuatu atau segala-gala yang menjadi masalah dan sesuatu yang memerlukan penyelesaian juga perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran (kesulitan).¹³

¹⁰ *Ibid*, h. 247

¹¹ *Ibid*, h. 498

¹² *Ibid*, h. 21

¹³ *Ibid*, h. 1001

SKOP KAJIAN

Kajian ini akan dilaksanakan kepada pelajar semester tiga program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM – UIAM yang telah menghabiskan hafalan 30 *juzu'* al-Quran.

SOROTAN KAJIAN

Sepanjang pemerhatian dan pembacaan penulis, masih belum terdapat kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk ini khususnya berkaitan Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM-UIAM. Walau bagaimanapun terdapat kajian yang dijalankan di Darul Quran tetapi dalam bentuk dan pendekatan yang berbeza. Namun begitu, kajian tentang pencapaian hafalan dan permasalahan ini perlu dipertingkatkan ekoran daripada minat yang semakin tinggi di kalangan pelajar untuk mengambil jurusan ini. Ia juga akan membantu untuk meningkatkan lagi penguasaan dalam bidang tahfiz di kalangan pelajar tahfiz. Oleh itu, penulis merasakan terpenggil untuk memperkayakan lagi kajian dalam bidang tahfiz al-Quran khususnya berkenaan program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM-UIAM.

Kajian oleh Abu Hanip bin Dollah (2002), daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya yang bertajuk *Perbezaan Personaliti Antara Pelajar-Pelajar Darul Quran Dengan Pelajar Sekolah Biasa* mengkhususkan kajiannya untuk mengenalpasti profil personaliti pelajar-pelajar Darul Quran dan SMK Seri Bedena dengan menggunakan inventori personaliti Sidek Mohd Noah. Keputusannya adalah jelas bahawa ciri-ciri personaliti yang dominan

seperti agresif, analitikal, intelektual, ketahanan, menolong dan pencapaian dipunyai oleh para pelajar Darul Quran. Walaupun tempat kajian ini sama dengan tempat kajian penulis iaitu di Darul Quran, namun skop kajiannya berbeza iaitu beliau lebih mengkhususkan aspek sikap dan membuat perbandingan dengan sekolah biasa berbeza dengan penulis yang mengkaji aspek pencapaian hafalan pelajar dan permasalahan dalam konteks program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM.

Selain itu, kajian oleh Muhaidi Hj. Mustaffa daripada Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada tahun 2010 yang bertajuk *Hafalan al-Quran dan hubungannya dengan kecemerlangan pelajar: Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Pulau Chondong, Kelantan dari tahun 1997 hingga 2007* mendapati pelajar-pelajar yang menghafal al-Quran akan mendatangkan kecemerlangan dalam bidang-bidang yang lain. Walaupun kajian ini juga mengkaji tentang hafalan al-Quran, namun ianya lebih berkaitan dengan hubungan antara hafalan dan kecemerlangan di samping tempat kajian yang berbeza dengan penulis.

Antara kajian terdahulu yang penulis dapati ialah latihan ilmiah oleh Ahmad Dasuki Ahmad yang bertajuk *Perbezaan Maahad Tahfiz Swasta dan Kerajaan: Suatu Kajian di Institut al-Quran Kuala Lumpur dan Darul Quran JAKIM*, (2002), Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kajian beliau mengandungi lima bab utama di samping tajuk-tajuk kecil yang membahaskan perbezaan daripada dua aspek iaitu sistem pengurusan dan sistem pembelajaran dan membuat kajian di dua pusat pengajian al-Quran iaitu Institut al-Quran Kuala Lumpur dan Darul Quran JAKIM. Walaupun kajian penulis ini sama dari sudut tempat iaitu di Darul Quran JAKIM, namun beliau membuat kajian

perbandingan di dua institusi Tahfiz ini dalam aspek pengurusan dan sistem pembelajaran berbeza dengan penulis yang mengkhususkan kepada aspek penguasaan hafalan al-Quran dan permasalahan bagi program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM.

Manakala sebuah lagi latihan ilmiah daripada Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, (2002) oleh Fara Wahida bt. Wangit yang bertajuk *Markaz Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat Negeri Selangor (MARTAH), Banting Selangor: Suatu Kajian tentang sambutan dan masalah*. Latihan Ilmiah ini yang tertumpu khusus kepada Markaz Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat Negeri Selangor daripada aspek sambutan dan masalah ini dapat dilihat pada bab Abstrak muka surat ii, penulis memberi penekanan kepada pentadbiran (organisasi) serta perkembangan di MARTAH seperti guru dan pengambilan masuk pelajar. Beliau banyak mengkhususkan tentang aspek sambutan terhadap maahad tahfiz tersebut serta permasalahan yang dihadapi berbeza dengan kajian penulis yang banyak menumpukan kepada aspek penguasaan hafalan. Cuma penulis juga akan melihat dari aspek permasalahan yang mengganggu kepada penguasaan hafalan pelajar.

Kajian oleh penyelidik-penyelidik Universiti Teknologi Malaysia (2003) diketuai oleh Ustaz Abdul Hafiz bin Hj. Abdullah yang bertajuk *Keberkesanan Kaedah Hafalan di Pusat Tahfiz* mendapati masalah dalaman (internal) adalah masalah yang wujud dalam diri seorang hafiz al-Quran. Semasa menjalani kehidupan sehariannya, godaan dunia dan bisikan syaitan boleh menyebabkan seseorang hafiz itu lupa bahawa dia adalah seorang penghafal al-Quran. Oleh itu, seorang hafiz perlu mengetahui masalah-masalah yang membelenggunya dan menjaga dirinya untuk mengelak daripada lupa hafalan al-Quran.

Dalam kajian yang bertajuk Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafalan al-Quran yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu oleh Penyelidik Universiti Teknologi Malaysia(2005) juga menyatakan terdapat banyak masalah yang dihadapi oleh para *huffaz* di dalam proses untuk mengingati dan menghafal ayat-ayat al-Quran. Ini kerana ayat-ayat al-Quran adalah ayat-ayat suci dan ianya tidak akan berada di tempat yang kotor sepertimana juga di dalam hati dan ingatan seseorang individu yang tidak menjaga kesucian ayat-ayat al-Quran tersebut. Di antara masalah-masalah yang dihadapi oleh para penghafal al-Quran di dalam proses penghafalan mereka adalah seperti tidak menitikberatkan adab-adab sebelum dan selepas menghafal al-Quran seperti amalan-amalan doa. Ini diperakui oleh seramai 327 (88.9%) responden yang dikaji bahawa menjaga adab semasa menghafal al-Quran adalah penting di dalam proses menghafal al-Quran. Seterusnya, seramai 314 (85.3%) responden bersetuju bahawa menjaga pancaindera daripada melakukan perkara-perkara maksiat adalah penting semasa proses menghafal al-Quran selain daripada masalah yang disebabkan cara pemakanan mereka. Seramai 253 (68.8%) responden juga bersetuju bahawa pergaulan sosial mereka juga mempengaruhi daya ingatan seseorang untuk menghafal. Ini mungkin disebabkan oleh percampuran benda-benda atau pemikiran-pemikiran yang tidak sepatutnya di dalam ingatan mereka dapat melemahkan daya ingatan dan seterusnya membantutkan proses penghafalan mereka terhadap ayat-ayat al-Quran.

Kajian oleh Mohd. Aderi Che Noh, dan Rohani Ahmad Tarmizi, (2009) yang bertajuk *Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran* dalam Jurnal Pendidikan (UKM) membincangkan tentang amalan pengajaran tilawah al-Quran. Dalam

kajian ini didapati persepsi pelajar terhadap amalan tilawah al-Quran adalah sederhana. Begitu juga majoriti amalan pengajaran Tilawah al-Quran bagi guru Pendidikan Islam ialah pada tahap sederhana. Walaupun kajian ini tidak berkaitan dengan hafalan al-Quran namun proses tilawah itu juga adalah merupakan satu proses dalam hafalan al-Quran.

Dalam Jurnal al-Bayan, kajian oleh Mohd Yakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff dan Saidi Mohd, (2008) yang bertajuk *Keupayaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Terengganu* membincangkan tentang keupayaan bacaan al-Quran di kalangan pelajar dan kajian ini mengambil beberapa buah sekolah terpilih di Terengganu sebagai responden.

Dalam Jurnal Isu Semasa Quran Dan Sunnah Siri Satu terbitan Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia, terdapat kajian berkenaan *Tahfiz al-Quran: Sejarah dan perkembangannya* oleh Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar, Khairul Anuar Mohamad dan Mohd Zohdo Mohd Amin (2005) membincangkan berkenaan sejarah dan perkembangan tahfiz al-Quran. Dalam tulisan ini juga ada menceritakan tentang perkembangan tahfiz dalam Malaysia khususnya Darul Quran JAKIM.

Di dalam kitab Imam Nawawi terjemahan Us. Hj. Anwar Fakhri b. Hj. Omar (1996) yang bertajuk *Adab-adab bersama al-Quran* ada menyatakan hendaklah penghafal al-Quran membersihkan hati dan fikirannya dari segala gejala-gejala yang boleh mengotorkan dirinya supaya dia bersedia untuk diterima oleh al-Quran, menghafalkannya serta mengembangkan ilmu-ilmunya. Hati yang baik untuk menerima ilmu itu laksana tanah yang subur untuk dicucuk tanam.

Abu Mazaayaa al-Hafiz(2006) dalam bukunya yang bertajuk *Panduan Menghafal al-Quran* menyatakan al-Quran adalah Kalam Allah yang suci sepatutnya diperlakukan dengan penuh kehormatan, keagungan, kemuliaan dan dalam keadaan suci pula. Dengan adab-adab yang mulia di dalam memperlakukan al-Quran akan dapat membawa rahmat dan syafaat di hari kiamat kelak.

Dr. Yusuf Qardhawi di dalam kitabnya *Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Quran* yang diterjemah oleh Kathur Suhardi (2000) menyatakan seorang penghafal al-Quran harus mengaplikasikan akhlak al-Quran seperti yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Seorang penghafal al-Quran harus menjadi cermin, sehingga manusia biasa melihat gambaran aqidah al-Quran, nilai-nilainya, adab dan akhlak pada dirinya.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah Penyelidikan yang akan digunakan dalam menjayakan kajian ini ialah seperti berikut:

i. Kajian Perpustakaan

Bahan-bahan perpustakaan ialah rujukan terpenting terutamanya buku-buku, dokumen, jurnal, majalah-majalah dan rencana yang berkaitan. Penulis akan menggunakan kaedah ini dalam membuat kajian bagi bab satu dan dua.

ii. Kaedah soal selidik

Kaedah yang digunakan adalah secara soal selidik dalam mengetahui penguasaan hafalan al-Quran para pelajar kerana ianya membolehkan penulis mengkaji kumpulan yang besar

dengan lebih mudah. Bagi tujuan kajian ini, penulis akan mengambil sampel seramai 60 orang pelajar Semester Tiga Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM.

iii. Temubual

Penulis juga akan menggunakan kaedah ini iaitu membuat temubual secara langsung dengan pihak yang berkaitan.

iv. Observasi

Kaedah observasi dilakukan terhadap suasana proses pembelajaran dan tempat kajian secara terancang mengikut keperluan kajian. Tujuannya untuk mendapatkan maklumat lanjut dalam setiap aktiviti yang dilakukan.

v. Ulasan dan Pandangan penulis

Berpandukan kepada perkara di atas, penulis akan membuat ulasan dan huraian serta cadangan mengikut data-data yang diperolehi untuk memenuhi kehendak kajian ini. Pendekatan ini akan digunakan dalam menyelesaikan bab lima.

PECAHAN BAB

Penulisan tesis ini disusun dalam lima bab sepertimana yang berikut:

1. BAB PENDAHULUAN

- Pengenalan

- Latar Belakang Kajian
- Masalah Kajian
- Objektif Kajian
- Kepentingan Kajian
- Huraian Istilah
- Skop Kajian
- Sorotan Kajian
- Metodologi Kajian
- Pecahan Bab
- Penutup

2. BAB SATU : PENGENALAN PROGRAM SIJIL TAHFIZ AL-QURAN DARUL QURAN JAKIM - UIAM

- Sejarah Program
- Objektif program
- Pengambilan dan kemasukan
- Tenaga pengajar

3. BAB DUA: PELAKSANAAN PROGRAM SIJIL TAHFIZ AL-QURAN DARUL QURAN JAKIM-UIAM

- Pengenalan
- Sistem pengajian
- Kurikulum
- Kaedah dan sistem hafalan
- Peperiksaan dan penilaian
- Aktiviti dan kegiatan pelajar
- Kesimpulan

4. BAB TIGA: METODOLOGI PENYELIDIKAN

- Pengenalan
- Reka bentuk kajian
- Kawasan Kajian
- Populasi Kajian
- Instrumen kajian
- Kesimpulan

5. BAB EMPAT: ANALISIS DATA

- Pengenalan
- Profil responden
- Analisis Data
- Hasil Dapatan Kajian

6. BAB LIMA: KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

- Pengenalan
- Kesimpulan Kajian
- Implikasi Kajian
- Cadangan
- Penutup

KESIMPULAN

Rasulullah s.a.w adalah contoh terunggul dalam sejarah menghafal al-Quran. Baginda bertadarus dengan Jibril a.s setiap kali datangnya bulan Ramadhan. Amalan tersebut dilakukan secara berterusan dan merupakan sunnah yang perlu diikuti oleh setiap Muslim terutamanya penghafal al-Quran. Kesungguhan baginda menghafal al-Quran seharusnya

menjadikan motivasi kepada para penghafal al-Quran untuk memantapkan hafalan al-Quran.

Darul Quran JAKIM yang telah wujud sejak tahun 1966 telah memainkan peranan penting dalam mengeluarkan modal insan terbaik negara iaitu penghafal al-Quran. Kini Darul Quran JAKIM telah menjadi pelopor dan model bagi Institusi Tahfiz khususnya dalam negara Malaysia dan negara serantau. Darul Quran yang berstatus Institusi Pengajian Tinggi terus maju ke hadapan dalam melaksanakan visi dan misinya untuk melahirkan penghafal al-Quran yang berwibawa dan berkualiti.

Diharapkan melalui kajian ini akan dapat memberikan faedah dan keuntungan kepada Institusi Pengajian Tinggi Tahfiz khususnya Darul Quran JAKIM bagi mempertingkatkan lagi aspek penguasaan hafalan al-Quran pelajar.

BAB SATU

PENGENALAN PROGRAM SIJIL TAHFIZ AL-QURAN DARUL QURAN JAKIM- UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

Darul Quran JAKIM ditubuhkan berfungsi sebagai wadah pendidikan berpaksikan pendidikan Tahfiz al- Quran. Justeru semua program pengajian yang disediakan berteraskan kepada Pengajian Tahfiz al-Quran dengan matlamat untuk melahirkan penghafal al- Quran yang berkualiti. Walau bagaimanapun Darul Quran juga berperanan melahirkan golongan cendekiawan Islam yang seimbang ukhrawi dan duniawi.

Melalui program pengajiannya, Darul Quran JAKIM melaksanakan fungsi untuk memartabatkan al-Quran dengan menawarkan pengajian al-Quran sebagai mata pelajaran utama di samping tidak mengetepikan mata pelajaran-mata pelajaran yang lain. Darul Quran juga turut berperanan untuk melahirkan golongan penghafal al-Quran yang menceburi bidang-bidang profesional seperti kedokteran, kejuruteraan dan lain-lain dan tidak tertumpu kepada bidang agama semata-mata. Justeru dalam bab ini akan menghuraikan pengenalan terhadap program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM.

1.1 SEJARAH PROGRAM SIJIL TAHFIZ AL-QURAN DARUL QURAN JAKIM-UIAM

Cadangan untuk mewujudkan program ini lahir di dalam Muzakarah Masa Depan Darul Quran yang dianjurkan oleh JAKIM di Awana Golf & Country Resort, Genting Highlands, Pahang Darul Makmur pada 21-22 Februari 2000. Y. Bhg. Prof Madya Dr. Sidek Baba selaku Ahli Lembaga Pengarah Darul Quran dan Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Disiplin)UIAM telah membentangkan satu kertas kerja bertajuk “ Perancangan Masa Depan Program Akademik Darul Quran”. Beliau mencadangkan supaya Darul Quran bukan sahaja memainkan peranan untuk melahirkan penghafal al-Quran yang layak untuk menjadi imam, guru-guru agama malah layak menjadi ahli sains dan ahli-ahli profesional yang lain. Inilah sebenarnya yang telah berjaya dilahirkan semasa era kegemilangan Tamadun Islam seperti Ibn Sina, al- Kindi, al Khawarizmi, Ibn Khaldun, Ibn Rushd dan ramai lagi.¹⁴

Y. Bhg. Prof Madya Dr. Sidek Baba juga mengatakan dalam konteks Darul Quran ada dua strategi yang boleh dilakukan supaya institusi ini terus berkembang dan berperanan untuk membangunkan umat Islam dan juga mampu berpartisipasi dalam proses pembangunan Negara:

¹⁴ Dato' Hj Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz (2010), *Pendidikan Tahfiz al-Quran Aliran Sains : Satu Inovasi Baru Dalam Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia. Pengalaman Darul Quran JAKIM meniti Kecemerlangan Akademik Aliran Sains Para Huffaz*, Kertas kerja Konvensyen Sekolah-sekolah Agama Menengah Tahfiz Aliran Sains Peringkat Kebangsaan, h 3

- i. Mengukuhkan institusi ini dengan mengembangkan pengajian Tahfiz al-Quran wal Qiraat di peringkat Diploma Lanjutan atau Ijazah Lanjutan. Ianya boleh berlaku di Darul Quran sendiri ataupun di universiti tempatan dan luar negeri.
- ii. Mengembangkan pengajian Tahfiz al-Quran dengan memperkenalkan aliran sains dan juga profesional.

Sekiranya pengembangan ini dapat dilakukan bukan sahaja Darul Quran boleh mengeluarkan para penghafal al-Quran yang mahir tetapi juga ahli tafsir yang berwibawa. Dalam masa yang sama dengan mengembangkan Tahfiz al-Quran sebagai landasan perkembangan ilmu sains dan kemanusiaan, ia bakal melahirkan graduan dalam bidang yang lebih canggih dan profesional. Strategi ini boleh melahirkan insan yang celik al-Quran dalam masa yang sama mempunyai keahlian dalam jurusan sains dan professional.¹⁵

Oleh itu pada 19 Jun 2000 seramai 7 orang pelajar lepasan Matrikulasi UIAM iaitu dua lelaki dan lima perempuan telah ditawarkan untuk mengikuti pengajian di dalam Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM- UIAM di Darul Quran Kuala Kubu Bharu. Selepas tamat pengajian di Darul Quran mereka akan mengikuti pengajian di Pusat asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan seterusnya meneruskan pengajian dalam bidang-bidang profesional.¹⁶

Sehingga kini setelah hampir 11 tahun program ini dilaksanakan, sebanyak 10 generasi telah berjaya dilahirkan. Bermula daripada hanya 7 orang pelajar yang dipilih pada tahun 2000, kini bilangan pengambilan pelajar pada setiap tahun ditingkatkan kepada 150 orang.

¹⁵ Prof Dr. Sidek Baba (2000), *Perancangan Masadepan Program Akademik Darul Quran*, kertas kerja di dalam Muzakarah Masa Depan Darul Quran yang dianjurkan oleh JAKIM di Awana Golf & Country Resort, Genting Highlands, Pahang Darul Makmur pada 21-22 Februari 2000

¹⁶ Dato' Hj Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, *Op. cit*, h 4

1.2 FALSAFAH

Ilmu pengetahuan disebarkan dalam semangat tauhid ke arah membentuk generasi al-Quran yang bertaqwa menjurus kepada pengakuan bahawa Allah itu Esa, Pencipta dan Tuhan bagi sekalian alam.¹⁷

1.3 OBJEKTIF

1.3.1 Menyepadukan ilmu (duniawi dan ukhrawi) untuk melahirkan golongan profesional yang hafiz, mahir lagi berketerampilan selaras dengan keperluan ummah dan Negara.

1.3.2 Menyediakan asas penjanaaan ke arah melahirkan cendekiawan yang berkemampuan mengembalikan tradisi zaman kegemilangan keilmuan Islam.¹⁸

1.4 PENGAMBILAN DAN KEMASUKAN

Pengambilan pelajar untuk mengikuti program ini diambil setahun sekali iaitu pada bulan Januari setiap tahun. Manakala bilangan pelajar yang akan dipilih ialah seramai 150 orang. Program ini mendapat sambutan yang tinggi di kalangan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Setiap tahun permohonan untuk mengikuti program ini melebihi 1500

¹⁷ Darul Quran JAKIM (2008), *Kurikulum Program Persijilan Tahfiz al-Quran JAKIM UIAM*, Bahagian Latihan JAKIM, h 1

¹⁸ Ibid, h1

orang dan anggaran pelajar yang layak ditemuduga mencecah seramai 1200 orang sedangkan pelajar yang diambil hanya seramai 150 orang.¹⁹

Penumpuan adalah kepada pelajar aliran sains institusi / Sekolah Menengah Agama yang mempunyai pencapaian cemerlang berdasarkan keputusan peperiksaan percubaan SPM. Pemilihan pelajar untuk mengikuti program ini dilakukan oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada Darul Quran dan UIAM melalui proses temuduga berdasarkan wajaran seperti berikut :

- 1) Cemerlang dalam peperiksaan percubaan SPM tahun berkenaan
- 2) Berkemampuan tinggi untuk menghafal al-Quran
- 3) Personaliti yang tinggi
- 4) Aktif dalam kegiatan ko-kurikulum ; dan
- 5) Lain-lain perkara yang berkaitan

Pelajar yang benar-benar berminat, dan berjaya dalam temuduga sahaja akan ditawarkan tempat bagi mengikuti program ini.²⁰

1.5 KELAYAKAN MASUK²¹

Kelayakan masuk bagi program ini mempunyai syarat am dan syarat khusus. Syarat Am kemasukan pelajar seperti berikut:

¹⁹ Mas Fazlina, *op.cit*

²⁰ http://www.darulquran.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=91&Itemid=113,
Program Persijilan Tahfiz al-Quran, 6 Oktober 2011

²¹ Mas Fazlina, *op.cit*

1. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
 2. Lulus dengan kepujian bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Pendidikan Islam/ Pendidikan al-Quran dan Sunnah/ Pendidikan Syariah Islamiyah.
 3. Memenuhi syarat khas program yang ditetapkan oleh pihak UIAM.
 4. Lulus ujian temuduga
- Manakala Syarat Khas Program (Untuk Program Yang Dipilih) ialah:

JADUAL 1.1:Syarat Khas Program

Bil	Program	Syarat Khas
1	ASASI KEJURUTERAAN	- 4B dalam matapelajaran Matematik - Kepujian dalam mata pelajaran berikut : Matematik Tambahan, Fizik, Kimia, Bahasa Inggeris
2	ASASI PERUBATAN	- 4B dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, - 3B dalam mata pelajaran berikut : Biologi, Kimia - 4B dalam mata pelajaran Fizik , Matematik / matematik tambahan
3	ASASI SENIBINA DAN REKABENTUK ALAM SEKITAR	- 5C dalam matapelajaran Bahasa Inggeris - 4B dalam matapelajaran Matematik - Tiga (3) kepujian dalam mata pelajaran berikut : Ekonomi Asas, Matematik Tambahan,

		<p>Fizik, Kimia, Biologi, Sejarah, Geografi, Teknologi Maklumat, Prinsip akaun, Perdagangan, Bahasa Arab Tinggi, Bahasa Arab Komunikasi, Sains, Sains Tambahan Pendidikan seni, Reka Cipta, Senireka tanda, Hortikultur Hiasan dan Landskap, Pengajian Kejuruteraan Awam, Teknologi Kejuruteraan, Lukisan Geometri dan Binaan Bangunan, Teknologi Binaan Bangunan, Landskap dan Nurseri, Pengajian Keusahawanan, Pembinaan Domestik, Lukisan Kejuruteraan, English for Science & Technology,</p> <p>* Salah satu daripada kepujian tersebut hendaklah daripada matapelajaran Fizik/ Kimia/ Biologi / Sains/ Sains Tambahan/ Lukisan Kejuruteraan</p>
4	<p>ASASI SAINS</p> <p>HAYAT</p>	<p>- Kepujian dalam mata pelajaran berikut : Biologi, Kimia, Matematik / Matematik Tambahan, Bahasa Inggeris, Fizik</p>
5	<p>ASASI SAINS</p> <p>FIZIKAL</p>	<p>- Kepujian dalam mata pelajaran berikut :</p> <p>Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Bahasa Inggeris</p> <p>- 7D dalam mata pelajaran Kimia</p>

6	ASASI FARMASI	<ul style="list-style-type: none"> - 4B dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, - 3B dalam mata pelajaran Biologi , Kimia, - 4B dalam mata pelajaran Fizik, Matematik / Matematik Tambahan
7	ASASI EKONOMI & SAINS PENGURUSAN	<ul style="list-style-type: none"> - 4B dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris - 2A dalam mata pelajaran Matematik - TIGA (3) kepujian dalam mata pelajaran berikut : Matematik Tambahan, Ekonomi Asas, Prinsip Akaun, Perdagangan, Teknologi Maklumat, Geografi, Ekonomi Rumahtangga, Bahasa Arab Tinggi, Bahasa Arab Komunikasi, Fizik, Kimia, Biologi , Sains , Sains Tambahan, Sejarah, Tasawwur Islam, Pengajian Keusahawanan, Pendidikan Al Quran dan As Sunah, Pendidikan Syariah Islamiah, English for Science & Technology
8	ASASI PERGIGIAN	<ul style="list-style-type: none"> - 4B dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris - 3B dalam mata pelajaran berikut : Biologi, Kimia - 4B dalam mata pelajaran Fizik, Matematik / Matematik Tambahan
9	ASASI SAINS KESIHATAN BERSEKUTU	<ul style="list-style-type: none"> - Kepujian dalam mata pelajaran berikut : Biologi, Kimia, Matematik / Matematik Tambahan, Bahasa Inggeris, Fizik

10	ASASI KEJURURAWATAN	- Kepujian dalam mata pelajaran berikut : Biologi, Kimia, Matematik / Matematik Tambahan, Bahasa Inggeris, Fizik
----	--------------------------------	---

1.6 TENAGA PENGAJAR

Tenaga pengajar bagi program ini terdiri daripada pensyarah Darul Quran dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Bagi matapelajaran hafalan al-Quran dan Tajwid diajar oleh pensyarah daripada Darul Quran samaada pensyarah tetap mahupun jemputan, manakala bagi matapelajaran Pengenalan terhadap Islam (*Introduction To Islam*) diajar oleh pensyarah daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.²²

1.7 KESIMPULAN

Darul Quran JAKIM sebagai sebuah Institusi Tahfiz telah mengorak langkah memperkenalkan sebuah program pengajian yang unik iaitu Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM untuk melahirkan golongan professional yang menghafal al-Quran. Ini akan dapat membantu negara untuk melahirkan modal insan berkualiti tinggi yang mampu memberi sumbangan kepada negara bukan sahaja daripada aspek luaran dan teknikal tetapi juga dalam aspek dalaman dan spiritual. Sumbangan yang diberikan oleh Darul Quran sejak daripada awal penubuhannya hingga kini akan mampu memberikan impak yang positif khususnya dalam aspek pembinaan negara bangsa yang berkualiti tinggi.

²² Ibid

Seharusnya dengan lahirnya program pengajian seperti ini akan mampu merangsang pelajar-pelajar aliran agama agar lebih berkecimpung dalam bidang profesional sekaligus dapat melahirkan golongan ilmuan serba boleh sepertimana ilmuan-ilmuan di zaman silam.

BAB DUA

PERLAKSANAAN PROGRAM SIJIL TAHFIZ AL-QURAN DARUL QURAN JAKIM-UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

2.0 PENDAHULUAN

Matlamat pendidikan negara adalah untuk melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi dan mampu memberikan sumbangan yang besar terhadap negara. Modal insan yang berkualiti bukan hanya cemerlang dari sudut pelajaran dan akademik semata-mata tetapi cemerlang juga dalam akhlak, sifat dan pemikiran. Pemikiran yang dibentuk juga mestilah selari dengan kehendak Islam melalui al-Quran dan Hadis. Apabila modal insan ini dibentuk melalui acuan Islam maka setiap tindakan yang dilakukan akan mengambil kira hukum hakam dan panduan yang telah dijelaskan oleh al-Quran dan hadis.

Melalui pelaksanaan program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran Jakim- UIAM diharapkan akan mampu melahirkan modal insan berkualiti sebagaimana disebut di atas yang mampu menguasai pelbagai ilmu, bukan sahaja ilmu duniawi tetapi juga ilmu ukhrawi melalui hafalan al-Quran.

Justeru, dalam bab ini akan membincangkan mengenai pelaksanaan program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran Jakim- UIAM berdasarkan sistem dan peraturan yang digunakan di Darul Quran JAKIM.

2.1 BEBERAPA MODEL INTEGRASI

Y. Bhg Prof. Dato' Dr. Sidek Baba sewaktu membentangkan kertas kerja yang bertajuk "Perancangan Masa Depan Program Akademik Darul Quran" telah mengeluarkan beberapa model yang boleh diperhatikan oleh Darul Quran sebagai asas percubaan yang menarik ke arah integrasi dan Islamisasi ilmu dan pendidikan. Antaranya:

- i. Model Kementerian Pendidikan Malaysia yang menawarkan gabungan subjek agama dengan subjek sains dan subjek agama dengan subjek yang beraliran akademik dan profesional seperti perakaunan, bisnes, pengurusan, teknologi maklumat dan lain-lain.²³
- ii. Model "*Imtiaz School Of Excellence*" berpusat di Besut, Terengganu di bawah dukungan Bahagian Pendidikan Menengah MARA yang memberi penekanan kepada hafalan al-Quran, penguasaan bahasa (Arab, Inggeris dan Mandarin), sains dan teknologi maklumat yang menggunakan kaedah pembelajaran "*Super Learning*".²⁴

Program integrasi antara hafalan al-Quran dan bidang profesional adalah merupakan program baru ketika itu. Darul Quran merupakan Institusi Pengajian Tinggi pertama yang melaksanakan program integrasi ini yang memberi peluang kepada pelajar aliran sains yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menghafal al-Quran dan dalam masa yang sama meneruskan pengajian dalam bidang profesional.

²³ Dr. Sidek Baba (2000), *Perancangan Masa Depan Program Akademik Darul Quran*, perbentangan kertas kerja dalam Muzakarah Masa Depan Darul Quran yang dianjurkan oleh JAKIM di Awana Golf & Country Resort, Genting Highlands, Pahang Darul Makmur pada 21-22 Februari 2000, h. 3

²⁴ *Ibid*, h 4

2.2 SISTEM PENGAJIAN

Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia adalah merupakan satu program yang unik kerana menggabungkan dua elemen yang berbeza iaitu hafalan al-Quran dan program profesional dengan tujuan untuk melahirkan golongan penghafal al-Quran yang berkhidmat dalam sektor profesional seperti kedoktoran, kejuruteraan, ekonomi dan lain-lain. Namun dalam program ini yang dilaksanakan di Darul Quran JAKIM, penumpuan lebih terarah kepada proses penghafalan al-Quran 30 juzu' kerana jangkamasa yang diberikan untuk menghafal keseluruhan al-Quran hanyalah 18 bulan.

2.2.1 Tempoh Pengajian di Darul Quran JAKIM

Tempoh pengajian program ini ialah selama satu tahun dan enam bulan iaitu tiga semester. Pelajar –pelajar akan didedahkan dengan pembelajaran tahfiz dan lain-lain mata pelajaran yang berkaitan.²⁵

2.2.2 Jangka Masa Pengajian

Pengajian akan bermula pada bulan Januari (selepas tamat peperiksaan SPM) sehingga Jun tahun berikutnya.

²⁵ Darul Quran JAKIM (2008), *Kurikulum Program Persijilan Tahfiz al-Quran JAKIM UIAM*, Bahagian Latihan JAKIM, h. 2

2.2.3 Tempoh Pengajian Keseluruhan

Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM merupakan program kerjasama antara Darul Quran dan UIAM. Program ini mengambil masa selama satu tahun enam bulan. Para pelajar diwajibkan menghafal 30 juzu' al-Quran bagi melayakkan mereka menerima sijil ini. Selepas menamatkan pengajian di Darul Quran, para pelajar akan menyambung pengajian di Pusat Asasi UIAM bagi meneruskan program matrikulasi mengikut bidang pengajian yang ditawarkan. Program matrikulasi ini akan mengambil masa antara satu hingga dua tahun. Selepas menamatkan pengajian di Pusat Asasi UIAM, para pelajar akan menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda mengikut bidang yang ditawarkan oleh UIAM. Program Ijazah Sarjana Muda ini akan mengambil masa antara tiga tahun setengah hingga lima tahun.

2.3 KURIKULUM

2.3.1 Bahasa Pengantar

Bahasa pengantar yang digunakan ialah Bahasa Melayu, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.²⁶

²⁶ *Ibid*, h 2

2.3.2 Klasifikasi Kursus Mengikut Semester²⁷

Semester Satu

Di dalam semester satu para pelajar akan mengambil empat mata pelajaran iaitu *Hifzul Quran I (Syafawi)*, *Hifzul Quran I (Tahriri)*, *Tajwid I* dan *Understanding Islam*. Butiran mengenai kursus ini di dalam jadual di bawah:

JADUAL 2.1: Mata Pelajaran Semester Satu

BIL	MADDAH	KOD	JAM KREDIT
1	Hifzul Quran I (Syafawi)	PAQ 1013	3*
2	Hifzul Quran I (Tahriri)	PAQ 1023	3*
3	Tajwid I	PIT 1032	2
4	Understanding Islam	FIM 1041	1**
Jumlah Jam Kredit			9

Semester Dua

Manakala dalam semester dua para pelajar juga akan mengambil empat mata pelajaran iaitu *Hifzul Quran II (Syafawi)*, *Hifzul Quran II (Tahriri)*, *Tajwid II* dan *Understanding Islam*. Butiran mengenai kursus ini di dalam jadual di bawah:

²⁷ Ibid, h 3

JADUAL 2.2: Mata Pelajaran Semester Dua

BIL	MADDAH	KOD	JAM KREDIT
1	Hifzul Quran II (Syafawi)	PAQ 2053	3*
2	Hifzul Quran II (Tahriri)	PAQ 2063	3*
3	Tajwid II	PIT 2072	2
4	Understanding Islam	FIM 2081	1**
Jumlah Jam Kredit			9

Semester Tiga

Bagi semester tiga para pelajar akan mengambil tiga mata pelajaran sahaja iaitu *Hifzul Quran III (Syafawi)*, *Hifzul Quran III (Tahriri)* dan *Understanding Islam*. Butiran mengenai kursus ini di dalam jadual di bawah:

JADUAL 2.3: Mata Pelajaran Semester Tiga

BIL	MADDAH	KOD	JAM KREDIT
1	Hifzul Quran III (Syafawi)	PAQ 3093	3*
2	Hifzul Quran III (Tahriri)	PAQ 3103	3*
3	Understanding Islam	FIM 3111	1**

Jumlah Jam Kredit	7
-------------------	---

* 6 jam kredit sama dengan 15 jam pertemuan dengan guru.

** 3 jam kredit sama dengan 6 jam pertemuan

2.3.3 Pro Forma Rangka Kursus *Hi fẓ* al-Quran²⁸

a) Sinopsis Kandungan Kursus

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan teknik membaca dan menghafal al-Quran

b) Rujukan Utama:

Rujukan utama bagi hafalan al-Quran ialah Mashaf Al-Quran al-Karim Rasam Uthmani di samping menggunakan Buku Kaedah Hafalan al-Quran terbitan JAKIM (2007) sebagai garis panduan dalam menghafal.

²⁸ Ibid, h 6

c) Prasyarat:

Para pelajar diwajibkan menghadiri kelas dan mencukupi kehadiran sebanyak 85%. Sekiranya pelajar gagal mencapai kehadiran 85% para pelajar tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan pada semester tersebut.

d) Kaedah Pengajaran

Kaedah pengajaran bagi hafalan al-Quran ialah *Taṣmi'* dan *Talaqqī*.

e) Kaedah Penilaian

Kaedah penilaian terbahagi kepada peperiksaan *Taḥrīrī* yang merupakan peperiksaan bertulis pada akhir semester (100 markah) dan Peperiksaan *Syafawī* yang merupakan peperiksaan lisan pada akhir semester (100 markah).

f) Jam Kredit

Bagi hafalan al-Quran bilangan jam kreditnya seminggu ialah 6 jam kredit (*Taḥrīrī* dan *Syafawī*) bersamaan dengan 15 jam pertemuan seminggu

g) Sukatan Hafalan

Bagi menghabiskan hafalan al-Quran 30 juzu' dalam tempoh pengajian, para pelajar perlu mengikut sukatan hafalan yang telah ditetapkan. Butiran mengenai sukatan hafalan tersebut di dalam jadual di bawah:

JADUAL 2.4: Sukatan hafalan bagi semester satu

MINGGU	SUKATAN PENGAJIAN	JAM KREDIT
1	- <i>Maqra'</i> 1 (Juzu' 1) hingga <i>maqra'</i> 6 (Juzu' 1) - Surah al-Baqarah	3
2	- <i>Maqra'</i> 7 (Juzu' 1) hingga <i>maqra'</i> 4 (Juzu' 2) - Surah al-Baqarah	3
3	- <i>Maqra'</i> 5 (Juzu' 2) hingga <i>maqra'</i> 2 (Juzu' 3) - Surah al-Baqarah	3
4	- <i>Maqra'</i> 3 (Juzu' 3) hingga <i>maqra'</i> 1 (Juzu' 4) - Surah ali-Imran	3
5	- <i>Maqra'</i> 2 (Juzu' 4) hingga <i>maqra'</i> 4 (Juzu' 4) - Surah ali-Imran	3
6	- <i>Maqra'</i> 5 (Juzu' 4) hingga <i>maqra'</i> 1	3

	(Juzu' 5) - Surah ali-Imran- Surah an-Nisa'	
7	- <i>Maqra'</i> 2 (Juzu' 5) hingga <i>maqra'</i> 6 (Juzu' 5) - Surah an-Nisa'	3
8	- <i>Maqra'</i> 7 (Juzu' 5) hingga <i>maqra'</i> 3 (Juzu' 6) - Surah an-Nisa' - Surah al-Maidah	3
9	- <i>Maqra'</i> 4 (Juzu' 6) hingga <i>maqra'</i> 8 (Juzu' 6) - Surah al-Maidah	3
10	- <i>Maqra'</i> 1 (Juzu' 7) hingga <i>maqra'</i> 6 (Juzu' 7) - Surah al-Maidah - Surah al-An'am	3
11	- <i>Maqra'</i> 7 (Juzu' 7) hingga <i>maqra'</i> 3 (Juzu' 8) - Surah al-An'am	3
12	- <i>Maqra'</i> 4 (Juzu' 8) hingga <i>maqra'</i> 1 (Juzu' 9) - Surah al-An'am – Surah al-A'raf	3
13	- <i>Maqra'</i> 2 (Juzu' 9) hingga <i>maqra'</i> 6 (Juzu' 9) - Surah al-A'raf	3

14	- <i>Maqra'</i> 7 (Juzu' 9) hingga <i>maqra'</i> 4 (Juzu' 10) - Surah al-Anfal – Surah at- Taubah	3
15	- <i>Maqra'</i> 5 (Juzu' 10) hingga <i>maqra'</i> 2 (Juzu' 11) - Surah at- Taubah	3
16-18	Ulangkaji	9
Jumlah Jam Kredit		54

JADUAL 2.5: Sukatan hafalan bagi semester dua

MINGGU	SUKATAN PENGAJIAN	JAM KREDIT
1	- <i>Maqra'</i> 3 (Juzu' 11) hingga <i>maqra'</i> 8 (Juzu' 11) - Surah al-Taubah – Surah Yunus	3
2	- <i>Maqra'</i> 1 (Juzu' 12) hingga <i>maqra'</i> 6 (Juzu' 12) - Surah Hud	3
3	- <i>Maqra'</i> 7 (Juzu' 12) hingga <i>maqra'</i> 4 (Juzu' 13) - Surah Yusuf – Surah ar- Ra'd	3

4	- <i>Maqra'</i> 5(Juzu' 13) hingga <i>maqra'</i> 2 (Juzu' 14) - Surah ar- Ra'd – Surah al-Hijr	3
5	- <i>Maqra'</i> 3(Juzu' 14) hingga <i>maqra'</i> 8 (Juzu' 14) - Surah ali-Nahl	3
6	- <i>Maqra'</i> 1 (Juzu' 15) hingga <i>maqra'</i> 6 (Juzu' 15) - Surah ali-Isra – Surah al-Kahfi	3
7	- <i>Maqra'</i> 7 (Juzu' 15) hingga <i>maqra'</i> 4 (Juzu' 16) - Surah an-Kahfi – Surah Maryam	3
8	- <i>Maqra'</i> 5 (Juzu' 16) hingga <i>maqra'</i> 2 (Juzu' 17) - Surah Maryam – Surah al- Anbiya'	3
9	- <i>Maqra'</i> 3 (Juzu' 17) hingga <i>maqra'</i> 8 (Juzu' 17) - Surah al-Anbiya' – Surah al-Hajj	3
10	- <i>Maqra'</i> 1 (Juzu' 18) hingga <i>maqra'</i> 6	3

	(Juzu' 18) - Surah al-Mu'minun – Surah al-Nur	
11	- <i>Maqra'</i> 7 (Juzu' 18) hingga <i>maqra'</i> 4 (Juzu' 19) - Surah al-Nur – Surah as-Syuara'	3
12	- <i>Maqra'</i> 5 (Juzu' 19) hingga <i>maqra'</i> 2 (Juzu' 20) - Surah an-Naml – Surah al-Qasas	3
13	- <i>Maqra'</i> 3 (Juzu' 20) hingga <i>maqra'</i> 8 (Juzu' 20) - Surah al-Ankabut	3
14	- <i>Maqra'</i> 1 (Juzu' 21) hingga <i>maqra'</i> 6 (Juzu' 21) - Surah al-Rum – Surah as- Sajdah	3
15	- <i>Maqra'</i> 7 (Juzu' 21) hingga <i>maqra'</i> 4 (Juzu' 22) - Surah as- Sajdah – Surah Saba'	3
16	- <i>Maqra'</i> 5 (Juzu' 22) hingga <i>maqra'</i> 2 (Juzu' 23)	

	- Surah Saba' – Surah Yaasin	
17-18	Ulangkaji	6
Jumlah Jam Kredit		54

JADUAL 2.6: Sukatan hafalan bagi semester tiga

MINGGU	SUKATAN PENGAJIAN	JAM KREDIT
1	- <i>Maqra'</i> 3 (Juzu' 23) hingga <i>maqra'</i> 8 (Juzu' 23) - Surah as-Shaffat – Surah al-Zumar	3
2	- <i>Maqra'</i> 1 (Juzu' 24) hingga <i>maqra'</i> 4 (Juzu' 24) - Surah al-Zumar – Surah al-Ghafir	3
3	- <i>Maqra'</i> 5(Juzu' 24) hingga <i>maqra'</i> 8 (Juzu' 24) - Surah Ghafir – Surah Fussilat	3
4	- <i>Maqra'</i> 1(Juzu' 25) hingga <i>maqra'</i> 4 (Juzu' 25) - Surah Fussilat – Surah al-Syura	3

5	- <i>Maqra'</i> 5(Juzu' 25) hingga <i>maqra'</i> 8 (Juzu' 25) - Surah al-Zukhruf – Surah al-Jathiah	3
6	Ulangkaji (Juzu' 1-7)	3
7	- <i>Maqra'</i> 1 (Juzu' 26) hingga <i>maqra'</i> 4 (Juzu' 26) - Surah al-Ahqaf – Surah Muhammad	3
8	- <i>Maqra'</i> 5 (Juzu' 26) hingga <i>maqra'</i> 8 (Juzu' 26) - Surah al-Fath – Surah al- Zariyat	3
9	- <i>Maqra'</i> 1 (Juzu' 27) hingga <i>maqra'</i> 4 (Juzu' 27) - Surah al-Zariyat – Surah al-Qamar	3
10	- <i>Maqra'</i> 5 (Juzu' 27) hingga <i>maqra'</i> 8 (Juzu' 27) - Surah al-Qamar – Surah al-Hadid	3
11	- Ulangkaji (Juzu' 8-15)	3
12	- <i>Maqra'</i> 1 (Juzu' 28) hingga <i>maqra'</i> 4	3

	(Juzu' 28) - Surah an-Mujadalah – Surah al-Saff	
13	- <i>Maqra'</i> 5 (Juzu' 28) hingga <i>maqra'</i> 8 (Juzu' 28) - Surah al-Jumuah – Surah al-Tahrim	3
14	- <i>Maqra'</i> 1 (Juzu' 29) hingga <i>maqra'</i> 4 (Juzu' 29) - Surah al-Mulk – Surah Nuh	3
15	- <i>Maqra'</i> 5 (Juzu' 29) hingga <i>maqra'</i> 8 (Juzu' 29) - Surah al- Jin – Surah al-Mursalat	3
16	- <i>Maqra'</i> 1 (Juzu' 30) hingga <i>maqra'</i> 4 (Juzu' 30) - Surah al-Naba' – Surah al-Thariq	3
17	- <i>Maqra'</i> 5 (Juzu' 30) hingga <i>maqra'</i> 8 (Juzu' 30) - Surah al-A'la – Surah al-Nas	3
18	Ulangkaji	3

Jumlah Jam Kredit	54
-------------------	----

Secara keseluruhannya para pelajar menghabiskan hafalan 30 juzu' al-Quran dalam tempoh kurang daripada 18 bulan. Ini adalah merupakan satu jangkamasa yang pendek bagi menghafal keseluruhan al-Quran. Pada semester pertama yang mengandungi 18 minggu, para pelajar menghabiskan hafalan 10 juzu' al-Quran daripada juzu' satu hingga juzu' 10. Manakala pada semester ke dua yang juga mengandungi 18 minggu, para pelajar menghafal sebanyak 12 juzu' iaitu daripada juzu' 11 hingga juzu' 22. Bagi semester ke tiga pula yang juga mengandungi 18 minggu, para pelajar menghafal 8 juzu' sahaja iaitu daripada juzu' 23 hingga juzu' 30.

Secara purata pada setiap minggu, para pelajar dikehendaki menghafal antara 4-6 maqra al-Quran. Bermakna para pelajar mesti menghafal antara 1-2 maqra pada setiap hari.

2.4 KAEDAH DAN SISTEM HAFALAN

Al- Quran adalah *kalāmullah* dan wahyu terakhir yang diturunkan oleh Allah s.w.t kepada nabi akhir zaman yang sekaligus juga sebagai penutup agama samawi. Ia membenarkan ajaran syariat kitab sebelumnya dan juga menyempurnakan hukum-hukum Allah pada

kitab sebelumnya sehingga terbentuk suatu ajaran yang universal dari berbagai aspek samaada material, spiritual, jasmaniah, rohaniah, dunia dan akhirat.²⁹

Sebagaimana yang diketahui, al-Quran diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w dalam bentuk hafalan bukan dalam bentuk tulisan. Ini dapat dimaklumi kerana Nabi s.a.w adalah seorang yang *ummi* yang tidak tahu menulis dan membaca. Allah telah menganugerahkan kepada hamba yang dipilihnya itu suatu daya ingatan yang sangat istimewa dan kuat sehingga dapat mengingat apa-apa yang digoreskan ke dalam hatinya melalui malaikat Jibril sesuai dengan kehendaknya dan baginda tidak bercakap kecuali apa-apa yang diwahyukan oleh Allah kepadanya. Kemudian wahyu itu dibacakan oleh baginda kepada para sahabatnya dan dihafal terus oleh mereka. Ingatan orang Arab ketika itu memang sangat kuat hingga dapat menghafal syair-syair para pujangga dan salasilah dirinya yang diterimanya turun temurun tanpa tulisan. Memang di kalangan mereka hanya sedikit sekali yang dapat membaca dan menulis. Maka tidak hairanlah kalau di antara para sahabat itu ramai yang hafal al-Quran dengan sangat baik walaupun hanya diterimanya dari mulut ke mulut.³⁰

Atas dasar ini menjadi suatu keutamaan untuk menghafal al-Quran supaya dapat menjaganya daripada diseleweng dan dimanupulasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Seorang penghafal al-Quran perlu menjaga kualiti hafalannya agar tidak mudah dilupai.

²⁹ Abu Mazaayaa al-Hafiz, *Panduan menghafal al-Quran* (2006), Darul Nu'man Kuala Lumpur, cetakan kedua, h. 1

³⁰ Ismail Masyuri al-Hafiz, *Fadhilat membaca dan menghafal al-Quran serta panduan menghafalnya*, Nurulhas Kuala Lumpur, h. 84

Justeru, untuk menjaga kualiti hafalan, kaedah dan sistem hafalan adalah merupakan perkara terpenting dalam menghafal al-Quran. Seseorang yang menghafal al-Quran tanpa kaedah dan sistem hafalan yang baik dan sistematik akan menyebabkan masalah lupa.

Menghafal al-Quran lebih mudah daripada menjaganya. Ramai para penghafal yang mengeluh kerana hafalan yang dihafal begitu mudah dilupai sekiranya tidak dijaga dengan baik. Sebab itu ada perumpamaan yang mengatakan al-Quran itu ibarat binatang buas yang suka melompat dan jika tidak diikat dengan kuat ia akan pergi dan lari.

2.4.1 KAEDAH MENGHAFAL AL-QURAN

Hafalan al-Quran adalah merupakan subjek teras dalam Sijil Tahfiz al-Quran DQ-UIAM. Sehubungan itu Darul Quran ada menyediakan garis panduan dan kaedah secara umum dalam menghafal al-Quran yang terkandung dalam Buku Laporan Kehadiran Kelas Tasmi' Program Persijilan DQ-UIAM dan Buku Kaedah Hafalan al-Quran terbitan Darul Quran JAKIM yang akan diterangkan di bawah.

a) Kaedah dan Panduan dalam Buku Laporan Kehadiran Kelas Tasmi' Program Persijilan DQ-UIAM

Dalam buku laporan ini terdapat beberapa peraturan dan arahan yang wajib diikuti oleh guru-guru tasmi' dan para pelajar. Antaranya waktu kelas tasmi' iaitu pada setiap hari isnin hingga jumaat jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi. Selain itu, guru tasmi' dikehendaki untuk

melaksanakan *talaqqi, tasmi'* dan *mentahqiq* hafalan al-Quran bagi setiap pelajar pada hari Isnin hingga khamis manakala program *i'adah* atau ulangan pada hari Jumaat. Guru Tasmi' juga diwajibkan membuat catatan dan laporan *tasmi'* pelajar di dalam Buku Rekod Tasmi' pada setiap hari yang akan diserahkan setiap bulan kepada Penyelaras Tasmi' Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM untuk semakan Ketua Jabatan. Para pelajar pula diwajibkan berada dalam kelas 10 minit sebelum jam 8.00 pagi. Para pelajar juga diwajibkan memperdengarkan sekurang-kurangnya dua *maqra'* sehari atau mengikut persetujuan pensyarah.³¹

b) Kaedah dan Panduan dalam Buku Kaedah Hafalan al-Quran terbitan Darul Quran JAKIM

a) *Talaqqi dan Musyāfahaḥ:*

Iaitu guru memperdengarkan bacaannya pada setiap ayat kemudian diikuti oleh pelajar atau guru menyemak bacaan pelajar pada ayat-ayat yang hendak dihafal atau menyemaknya ketika sesi tasmi'. Bacaan tersebut mestilah lancar, fasih dan bertajwid.³²

³¹ Darul Quran JAKIM (2000), Buku Laporan Kehadiran Kelas Tasmi' Program Sijil Tahfiz al-Quran DQ-UIAM, h 1

³² Darul Quran JAKIM (2007), *Kaedah Hafalan al-Quran*, Medan Hikmah sdn. Bhd, h. 7

b) Membaca dan Melancarkan Bacaan.

- Menggunakan Mushaf Othmani bersaiz besar. Saiz yang disarankan adalah mushaf al-Quran bersaiz A4.
- Menentukan ayat-ayat yang hendak dihafal.
- Melancarkan bacaan dengan tajwid yang betul pada ayat-ayat atau surah-surah yang hendak dihafal.
- Memahami makna-makna ayat dan sebab-sebab turun ayat sekiranya ada *Asbab al-Nuzul* pada ayat yang hendak dihafal.³³

c) Teknik Menghafal Al-Quran

i) Menghafal dengan mengulang-ulang bacaan.

Mula menghafal ayat pertama dengan berulang-ulang kali (10 atau lebih) sebelum berpindah ke ayat seterusnya. Apabila sudah ingat dengan baik dan jelas ayat yang pertama, maka mulalah menghafal ayat yang kedua dengan kaedah yang sama pada ayat pertama tadi. Apabila ayat kedua sudah diingati, maka ulang semula membaca secara hafalan pada ayat yang pertama hingga ayat yang kedua hingga lancar. Mula menghafal ayat ketiga dan apabila sudah ingat dengan lancar, ulang semula dari ayat pertama hingga ketiga sehingga lancar kesemuanya sekali. Begitulah seterusnya sehingga selesai dihafal semua ayat yang telah ditetapkan untuk hari tersebut.³⁴

³³ Ibid, h. 7-8

³⁴ Ibid, h. 8

ii) Teknik Menghafal Dengan Seorang Teman:

- Pilih seorang teman yang sama minat dalam menghafal al-Quran.
- Orang yang pertama membaca dengan disemak oleh orang yang kedua.
- Orang yang kedua membaca dengan disemak oleh orang yang pertama.
- Saling menguji ayat yang dihafal antara satu sama lain.³⁵

iii) Teknik Penulisan (*Kitabah*):

- Tulis kembali ayat-ayat yang telah dihafal.
- Kemudian semak semula ayat yang telah ditulis berpandukan mashaf.
- Menulis setiap ayat pertama awal muka surat, atau setiap rubu', atau setiap juz, atau setiap surah dalam satu helai kertas.³⁶

iv) Teknik Mendengar:

Mendengar bacaan guru dan mengikut bacaan tersebut sehingga menghafal ayat tersebut atau merakam ayat-ayat al-Quran yang akan dihafal kemudian mendengarnya melalui alat audio. Contoh bacaan terbaik yang boleh diikuti ialah bacaan *Syeikhul Maqari' Mahmud Khalil al-Khusairi* dari Mesir.³⁷

³⁵ Ibid, 8-9

³⁶ Ibid, 9

³⁷ Ibid

v) Teknik Pembahagian Ayat (*Al-Taqsim*):

- Memisah-misahkan sepotong ayat yang panjang kepada beberapa bahagian yang sesuai.
- Memisah-misahkan selebar muka surat kepada beberapa bahagian (2 atau 3 bahagian) yang sesuai.
- Memisah-misahkan surah kepada beberapa bahagian. Contohnya mengikut pertukaran cerita dalam surah tersebut.
- Memisah-misahkan juz kepada beberapa bahagian mengikut surah, hizib, rubu', cerita dan sebagainya.
- Memisah-misahkan al-Qur'an kepada kelompok surah, hizib, setiap 10 juz dan sebagainya.³⁸

2.5 KESIMPULAN

Pelaksanaan Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM ini telah melahirkan golongan profesional yang menghafal al-Quran. Sistem pembelajaran selama lapan belas bulan di Darul Quran untuk menghafal al-Quran merupakan satu cabaran kepada para pelajarnya. Tempoh yang singkat ini memerlukan daya usaha yang gigih bagi memastikan al-Quran yang dihafal benar-benar kekal diingatan. Melalui kajian ini akan dapat mengenalpasti pencapaian pelajar program ini dalam menghafal al-Quran di samping melihat permasalahan yang dihadapi mereka.

³⁸ Ibid, 9-10

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENDAHULUAN

Peranan penyelidikan amat penting dalam proses pembangunan manusia dan sumber. Ia menjadi perkara utama kepada sebarang cadangan perubahan yang berkesan. Pengetahuan dan penemuan-penemuan yang terkumpul boleh memungkinkan pembentukan beberapa hukum am tentang pelbagai fenomena. Seorang penyelidik dan mereka yang terlibat dalam bidang penyelidikan harus menggunakan proses pemikiran dan konseptualisasi untuk menjayakan satu-satu kajian. Manipulasi simbol-simbol dan konsep-konsep akan menjadi inti kepada proses penyelidikan. Di samping itu setiap penyelidikan mesti mempunyai suatu rangka metodologi kajian yang baik, kemas dan fleksibiliti untuk penyesuaian sepanjang kajian.³⁹

Penyelidikan dapat membantu manusia mencari makna dan kebenaran tentang fenomena dunia. Terdapat dua aliran pemikiran dalam menentukan makna. Pertama ia telah sedia wujud dalam dunia semasa seseorang dilahirkan. Ia telah ditetapkan oleh individu, masyarakat, adat atau sistem. Tugas manusia hanya berusaha mencari dan menemui makna-makna tersebut. Kedua ialah makna itu *subjektif* dan bergantung kepada bagaimana seseorang melihat atau mendekati sesuatu objek atau peristiwa. Manusia juga mencari makna tetapi maknanya mungkin berlainan daripada yang telah ditetapkan oleh manusia

³⁹ Kamarudin Ngah, Roslim Md Akhir(1990), *Kaedah Penyelidikan Panduan Mudah Kerja Luar* , Fajar Bakti sdn. bhd, hal. 1

lain sebelum ini atau manusia sedia ada. Justeru penyelidikan akan dapat membantu manusia mencari atau menokok makna sesuatu objek atau peristiwa.⁴⁰

Metodologi kajian yang sesuai akan menghasilkan suatu penyelidikan yang baik dan bermutu tinggi. Justeru, dalam bab ini pengkaji akan menerangkan metodologi atau kaedah yang digunakan untuk menghasilkan kajian ini.

3.1 ERTI PENYELIDIKAN

Penyelidikan ialah cara teratur bagi mendapatkan ilmu, dan ilmu yang diperoleh melalui penyelidikan berbeza daripada ilmu yang diperoleh secara spontan. Ini kerana penyelidikan itu sendiri harus dilakukan mengikut peraturan tertentu agar maklumat baru diperolehi. Penyelidikan juga merupakan aktiviti yang bersifat sejagat dan bertujuan memahami serta mencari hubungkait antara sebab dengan akibat berlakunya sesuatu fenomena.

Menurut kamus Dewan edisi keempat, penyelidikan ialah perbuatan menyelidik dan pemeriksaan.⁴¹ Ianya dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat dan informasi berkenaan sesuatu tajuk yang dikaji.

Penyelidikan samaada kajian sains sosial atau sains tulen semuanya bertujuan mendapatkan bukti dan kepastian. Kajian sains sosial cuba menyelidik semua aspek kegiatan manusia, berlainan dengan sains tulen yang mengkaji aspek-aspek fizikal sesuatu benda. Kajian sains tulen biasanya dijalankan dalam makmal atau sekurang-kurangnya

⁴⁰ Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), *Penyelidikan Pendidikan*, Universiti Teknologi Malaysia, h. 1

⁴¹ Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1426

mengikut prosedur makmal. Kajian sains tulen boleh dibahagikan kepada tiga cabang utama iaitu Fizik, Kimia dan Biologi yang menyelidik ilmu kebendaan atau kehidupan yang tidak berkaitan dengan subjektiviti yang disebabkan oleh akal, perasaan atau kecerdasan fizikal. Segala-galanya begitu objektif. Sains sosial jauh lebih kompleks. Walaubagaimanapun, kajian sains tulen banyak mempengaruhi prosedur dalam kajian sains sosial sungguhpun tidak semua dalam sains tulen itu mempunyai praktikaliti dalam sains sosial.⁴²

3.2 PERLAKSANAAN KAJIAN

Kajian selalunya dijalankan bagi menilai situasi-situasi semasa dalam usaha membawa perubahan kepada keadaan yang lebih baik.⁴³ Metodologi kajian pula adalah prosedur-prosedur penggunaan instrumen kajian dan pungutan data yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah yang dikaji. Ianya akan membantu pengkaji bagi mereka bentuk analisis statistik yang sesuai dalam membuat keputusan mengenai fenomena-fenomena yang berlaku.⁴⁴

Sehubungan itu, dalam bab ini pengkaji akan mengenalpasti dan mengkaji beberapa aspek khususnya dalam metodologi kajian iaitu:

- Reka bentuk kajian
- Metode Penentuan Subjek

⁴² Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), Op. cit., h. 2

⁴³ Winfrey J.K. (1984), *Research as an Area of Renewal for Conselors Educators and Supervisors*, Measurement and Evaluation in Counseling and Development, 17(3), h.139.

⁴⁴ Hasse, R.F. (1974), *Power analysis of Research in Conselor Education*, Counselor Education and Supervision 14(2), h. 124-132

- Kawasan Kajian
- Populasi Kajian
- Pengelompokan Sampel Kajian
- Penentuan Pembolehubah dan Aspek Kajian
- Alat Pengumpulan Data
- Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen
- Analisis Data

3.3 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah merupakan tunjang bagi sesuatu kajian atau penyelidikan. Terdapat pelbagai reka bentuk kajian di mana setiap kaedah diandaikan mempunyai ciri-ciri khusus seperti teknik, reka bentuk dan analisis data yang tersendiri. Penyelidik seluruh dunia sentiasa mencari dan membahaskan kaedah yang terbaik. Adalah lebih baik kita dilihat dari perspektif yang lebih terbuka iaitu setiap kaedah mempunyai kebaikan dan mungkin kelemahan tersendiri. Lebih penting ialah kaedah yang dapat menyelesaikan masalah kajian.⁴⁵

Mengikut Mohd Majid Konteng, reka bentuk merupakan keseluruhan rangka projek penyelidikan yang akan menyatakan jenis kajian yang hendak dijalankan, jenis maklumat yang hendak dikumpul, daripada mana sumber maklumat yang perlu dikumpul dan kaedah maklumat diperolehi.⁴⁶

⁴⁵ Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), *Op. cit.*, h. 45

⁴⁶ Mohd Majid Konteng (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 13

Reka bentuk kajian akan menghubungkan data dan maklumat yang dikumpul mengikut persoalan kajian. Ianya bertindak seperti *blueprint* pengkaji yang mengaitkan persoalan dengan kajian yang perlu dijalankan, apakah data yang perlu dikumpulkan, bagaimana menganalisis keputusan dan apakah keputusan yang akan dikemukakan. Dalam perkataan lain, reka bentuk kajian membantu pengkaji dalam proses mengumpul, menganalisis dan menterjemahkan data dan maklumat yang telah dikumpulkan.⁴⁷

Terdapat dua pendekatan yang boleh digunakan dalam melaksanakan sesuatu kajian iaitu kualitatif dan kuantitatif. Jenis kuantitatif berdasarkan kategori kuantiti seperti menggunakan angka, skor dan kekerapan. Manakala kualitatif pula berdasarkan kategori kualiti atau nilai, pernyataan insiden atau peristiwa. Perbezaan antara dua pendekatan ini boleh dilihat daripada tiga aspek iaitu metodologi, teknik pengumpulan data dan jenis data.⁴⁸

Menurut Robert K. Yin, gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif boleh digunakan dalam kajian kes.⁴⁹ Sehubungan itu, dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji menggunakan gabungan kedua-dua kaedah ini bagi menghasilkan kajian yang berkualiti tinggi dan mampu menjawab persoalan-persoalan kajian.

Justeru, reka bentuk kajian ini berbentuk diskriptif. Kajian diskriptif adalah bertujuan untuk memperihalkan sesuatu fenomena atau situasi yang berlaku semasa kajian dilakukan.

⁴⁷ Robert K. Yin(2003), *Case Study Research Desighn and method*, Sage Publications, h. 19

⁴⁸ Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), Op. cit., h. 34

⁴⁹ Robert K. Yin(2003), Op. cit., h. 21

Menurut Sidek Mohd Noah, reka bentuk diskriptif selalu dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat.⁵⁰

Kajian ini sifatnya mendatar dan deskripsi yang dihasilkan berbentuk meluas merangkumi beberapa pembolehubah. Kajian seperti ini akan diperincikan oleh kajian-kajian lain kemudian. Kajian ini juga dilakukan dengan dua cara iaitu sensus dan sampel. Sensus ialah apabila melibatkan keseluruhan populasi yang dikaji iaitu semua orang yang dikaji itu dilibatkan. Secara sampel pula apabila sebahagian kecil dari keseluruhan mereka yang terlibat itu diambil untuk dikaji. Sesuatu sampel itu perlu dibentuk dengan kaedah tertentu supaya ianya dapat mewakili populasinya yang sebenar.⁵¹

Dalam penyelidikan ini, pengkaji akan menggunakan kaedah secara sampel iaitu pengkaji akan melibatkan sebahagian populasi yang dikaji. Ianya juga akan menggunakan kaedah *cross-sectional* dimana pengumpulan data akan dilakukan sekali sahaja kerana ianya lebih mudah dilakukan berbanding kaedah *longitudinal*.

3.4 METODE PENENTUAN SUBJEK

Tujuan metode penentuan subjek dilaksanakan adalah untuk memberikan fokus dan tumpuan dalam menentukan sasaran sesebuah kajian. Seperti yang telah dijelaskan di atas,

⁵⁰ Sidek Mohd Noah (2002), *Reka Bentuk:Falsafah, Teori dan Praktis*, Selangor:Universiti Putra Malaysia, h. 42

⁵¹ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan Satu Sorotan*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h 32

kajian ini akan menggunakan kaedah atau metod sampel dalam menentukan subjek yang dikaji.

Untuk menghasilkan kajian ini, pengkaji akan membuat kajian dalam kalangan pelajar semester tiga yang telah menghabiskan hafalan keseluruhan 30 juzu' al-Quran dalam Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM.

3.5 KAWASAN KAJIAN

Kajian ini adalah merupakan kajian lapangan yang mengkaji pelaksanaan Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM dalam aspek penguasaan hafalan al-Quran dan permasalahannya. Justeru, kajian ini akan melibatkan pelajar-pelajar semester tiga yang telah menghabiskan hafalan 30 juzu' al-Quran.

Sehubungan itu, kawasan kajian adalah melibatkan tempat pelaksanaan Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM iaitu di Darul Quran JAKIM Kuala Kubu Bharu, Selangor.

3.6 POPULASI KAJIAN

Menurut data daripada Unit Rekod Darul Quran, jumlah pelajar Program Sijil Tahfiz Darul Quran JAKIM-UIAM yang sedang mengikuti pengajian di Darul Quran JAKIM adalah seramai 260 orang pelajar yang meliputi pelajar semester satu dan semester tiga. 119 pelajar adalah daripada semester tiga dan selebihnya daripada semester satu. Daripada 119

orang pelajar, pengkaji telah memilih seramai 60 orang pelajar sebagai sampel kajian iaitu terdiri daripada 30 orang pelajar lelaki dan 30 orang pelajar perempuan.

Dalam kajian ini juga, pengkaji hanya akan melibatkan pelajar-pelajar yang telah menghabiskan hafalan 30 juzu' al-Quran dan berada dalam semester tiga sahaja.

3.7 PENGELOMPOKAN SAMPEL KAJIAN

Daripada 60 orang pelajar yang dikaji, pengkaji akan mengeksploit bilangan pelajar tersebut ke dalam beberapa kumpulan pelajar berdasarkan pembolehubah yang ditetapkan dalam kajian ini. Mereka dikelompokkan mengikut pembolehubah jantina dan tahap sosioekonomi. Berikut ditunjukkan pengelompokan tersebut:

3.7.1 Pengelompokan Mengikut Jantina

Dari segi jantina, para pelajar dibahagikan dalam dua kumpulan iaitu pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

3.7.2 Pengelompokan mengikut Tahap Sosioekonomi.

Kajian ini juga melibatkan analisis yang berdasarkan sosioekonomi. Berikut diperlihatkan sampel kajian berdasarkan sosioekonomi.

Jadual 3.1: Sampel Kajian Berdasarkan Sosioekonomi

STATUS SOSIOEKONOMI	JUMLAH PELAJAR
Rendah	20
Sederhana	18
Tinggi	22

Sosioekonomi rendah : pendapatan isi rumah RM999 ke bawah

Sosioekonomi sederhana : pendapatan isi rumah antara RM1000 hingga RM2999

Sosioekonomi tinggi : pendapatan isi rumah RM3000 ke atas

3.8 PENENTUAN PEMBOLEHUBAH DAN ASPEK KAJIAN

Dalam aspek penentuan pembolehubah yang akan digunakan dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah dalam kajian ini akan mengikut keperluan kajian yang akan dijalankan di samping mengfokuskan hala tuju kajian ini dengan menentukan aspek kajian yang akan dijalankan.

3.8.1 Pembolehubah Bebas

Pembolehubah bebas dalam kajian ini melibatkan kumpulan pelajar yang telah dikelompokkan mengikut kumpulan-kumpulan tertentu. Terdapat dua pembolehubah yang telah ditentukan dalam kajian ini iaitu pembolehubah yang berdasarkan jantina dan pembolehubah berdasarkan tahap sosioekonomi pelajar.

3.8.2 Pembolehkan Bersandar

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan pembolehkan bersandar berdasarkan skor yang diperolehi pelajar daripada ujian hafalan al-Quran yang akan dijalankan untuk menguji tahap keupayaan hafalan al-Quran pelajar.

3.8.3 Penentuan Aspek Kajian

Fokus kajian yang dijalankan ini ialah aspek penguasaan hafalan al-Quran dan permasalahannya di kalangan pelajar semester tiga Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM yang telah menghabiskan hafalan 30 juzu' al-Quran. Aspek yang hendak dilihat ialah sama ada terdapat atau tidak kelemahan atau masalah pada tahap penguasaan hafalan al-Quran di kalangan pelajar yang dikaji. Di samping itu, pengkaji juga akan melihat permasalahan yang wujud dalam menghafal al-Quran.

3.9 ALAT PENGUMPULAN DATA

Kajian ini menggunakan dua jenis alat pengumpulan data. Pertama ialah soal selidik dan kedua ialah ujian hafalan.

3.9.1 Soal selidik

Alat pengumpulan data pertama yang akan dilaksanakan oleh pengkaji ialah soal selidik yang akan diedarkan kepada semua pelajar yang terlibat. Item soal selidik ini akan

dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A adalah soalan-soalan berkenaan maklumat dan latar belakang responden kajian. Maklumat-maklumat di dalam bahagian ini melibatkan pembolehubah sosiodemografi kajian seperti jantina, pendidikan, sosioekonomi keluarga dan lain-lain.

Manakala Bahagian B ialah soalan-soalan berkaitan penguasaan hafalan al-Quran termasuklah aspek minat, tempoh masa untuk menghafal al-Quran, daya ingatan dan lain-lain.

Seterusnya untuk Bahagian C ialah soalan-soalan berkaitan permasalahan yang dihadapi dalam menguasai hafalan al-Quran termasuklah permasalahan diri sendiri, keluarga, guru dan lain-lain.

3.9.2 Ujian Hafalan al-Quran

Alat Pengumpulan Data yang kedua yang akan dilaksanakan oleh pengkaji ialah ujian hafalan al-Quran secara lisan (*syafawī*). Dalam ujian ini pengkaji akan menguji setiap pelajar dengan sepuluh soalan yang pelbagai daripada juzu' 1 hingga juzu' 30. Sebanyak dua set soalan disediakan. Soalan-soalan tersebut merangkumi soalan awal surah, awal juzu', awal *maqra'* dan soalan rawak.

3.9.3 Skema Pemarkahan

Soalan-soalan yang dibina ialah untuk mengukur penguasaan hafalan al-Quran para pelajar yang dikaji. Pengkaji menyediakan dua set soalan yang digunakan ke atas 60 orang pelajar. Set pertama digunakan pada hari pertama melibatkan 30 orang pelajar lelaki. Manakala set kedua digunakan pada hari kedua melibatkan 30 orang pelajar perempuan.

Setiap set soalan mengandungi sepuluh soalan yang pelbagai. Pemarkahan dibuat daripada dua aspek iaitu hafalan dan tajwid. Markah bagi setiap soalan ialah sepuluh markah menjadikan keseluruhan markah sebanyak seratus. Pembahagian markah ialah tujuh markah bagi hafalan dan tiga markah bagi tajwid. Pengkaji menggunakan skema pemarkahan mengikut peperiksaan semester akhir program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM.

3.9.4 Penggredan Markah Ujian

Kesemua skor yang diperolehi daripada ujian di atas akan dimasukkan ke dalam SPSS untuk mencari kekerapan, skor min, sisihan piawai, nilai titik tengah (median), mod, julat, skor minimum dan maksimum.

Manakala skor yang akan digunakan akan mengikut skala yang digunakan dalam peperiksaan di Darul Quran JAKIM. Ia melibatkan lima kategori iaitu pangkat *mumtaz*, pangkat *jayyid jiddan*, pangkat *jayyid*, pangkat *maqbul* dan pangkat *rasib*.

JADUAL 3.2: Skor Ujian

Gred	Pangkat	Julat skor
A	Mumtaz	90-100
B	Jayyid Jiddan	80-89
B	Jayyid	70-79
D	Maqbul	55-69
E	Rasib	54 ke bawah

3.10 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN

Kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen amat penting bagi mempertahankan kejituan daripada terdedah kepada kecacatan. Semakin tinggi nilai dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen maka semakin jitu data-data yang akan diperolehi bagi menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti. Kesahan (*validity*) didefinisikan sebagai ketepatan (*appropriateness*), kebenaran (*truthfulness*), bermakna (*meaningfulness*) dan kebolegunaan (*usefulness*) instrumen yang membolehkan data-data disimpulkan.⁵² *Validity* juga bermaksud persetujuan antara dua percubaan untuk mengukur trait yang sama secara maksimum dengan kaedah yang berlainan.⁵³

⁵² Fraenkel Jack R. dan Norman E. Wallen (1996), *How to Design and Research*. United State of America:Mc Graw-Hill, Inc, h.153

⁵³ David Cambell dan David Fiske (1959), “ Convergent and Discriminant Validitation”, *Psychological Bulletin*, Vol.56, h.15

Sementara maksud kebolehpercayaan pula (*reliability*) dijelaskan oleh William Wiersma*Reliability means consistency, on observed score can be seen as consisting of two part.*⁵⁴ Kebolehpercayaan juga bermaksud apabila item yang sama diuji beberapa kali kepada subjek yang sama pada selang masa yang berlainan tetapi tetap memberi skor keputusan atau jawapan yang sama atau hampir sama.⁵⁵

Untuk menepati konsep kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, bahan-bahan yang dipilih untuk diketengahkan dalam kajian ini terlebih dahulu diuji untuk menentukan kesesuaian kandungan dan kebolegunaannya. Item-item soalan dibina dengan teliti berdasarkan objektif-objektif kajian yang telah digariskan. Sebelum proses pengedaran borang soal selidik, ia terlebih dahulu diserahkan kepada penyelia untuk disemak dan diperakukan. Penyelia meneliti item-item tersebut dan seterusnya memberikan komen dan ulasan bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan yang wujud dalam borang tersebut. Berdasarkan komen-komen yang diberikan, pengkaji telah mengubahsuai dan memperbaiki segala kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam borang soal selidik tersebut.

Seterusnya bagi menjaga kesahan dan kesesuaian ujian hafalan al-Quran dan borang soal selidik, pengkaji telah berusaha mengambil langkah-langkah yang sepatutnya bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaannya. Pengkaji telah mengemukakan item-item soalan tersebut kepada tiga orang tenaga pakar dalam bidang hafalan al-Quran untuk disemak dan dianalisis agar ia dapat mengukur tahap penguasaan hafalan pelajar. Tenaga

⁵⁴ William Wiersma (2000), *Research in Education: An introduction*. Boston: Allyn and Bacon. h.297

⁵⁵ Howard Wainer & Herry I. Broun (1988), *Test Validity*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Association Publishers, h.20

pakar tersebut ialah Haji Azahari Othman⁵⁶, Ustaz Ab Malek b. Ab Manaf⁵⁷ dan Ustaz Ehsan Mohd Husni⁵⁸. Ketiga-tiga tenaga pakar ini mempunyai pengalaman lebih dari lima belas tahun dalam bidang hafalan al-Quran. Hasilnya ketiga-tiga pakar ini memberi komen dan memperakukan item-item soalan dan soal selidik tersebut.

3.10.1 Metode Pengumpulan Data

Aspek pengumpulan data adalah merupakan aspek yang sangat penting dalam penghasilan sesebuah penyelidikan. Data-data tersebut mestilah diperolehi daripada sumber-sumber yang diakui dan berautoriti. Penyelidikan yang dihasilkan tanpa diperolehi daripada sumber-sumber yang benar akan menyebabkan penyelidikan tersebut tidak dipercayai dan tidak diakui. Ini kerana sumber-sumber tersebut akan dianalisa dan ditafsir bagi tujuan penyelidikan. Sehubungan itu, metode pengumpulan data ini dibahagikan kepada dua bentuk kajian iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

a. Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan adalah bertujuan untuk mengetahui konsep dan teori yang berkaitan dengan kajian ini secara lebih mendalam. Penyelidikan perpustakaan juga dilakukan oleh

⁵⁶ Haji Azahari Othman merupakan pensyarah pakar di Darul Quran dan anggota Lajnah Tashih al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) serta mempunyai lebih 25 tahun pengalaman dalam bidang tahfiz. Berpengalaman sebagai hakim Majlis Menghafal al-Quran peringkat antarabangsa, kebangsaan dan negeri.

⁵⁷ Ustaz Ab Malek b. Ab Manaf merupakan Ketua Jabatan al-Quran di Darul Quran dan anggota Lajnah Tashih al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) serta mempunyai lebih 15 tahun pengalaman dalam bidang tahfiz. Berpengalaman sebagai hakim Majlis Menghafal al-Quran peringkat antarabangsa, kebangsaan dan negeri.

⁵⁸ Ustaz Ehsan Mohd Husni merupakan Penolong Pengarah Kanan Masjid Negara. Pernah bertugas sebagai Penolong Pengarah Unit Peperiksaan Darul Quran dari tahun 1999 hingga 2010.

pengkaji terhadap objek-objek penelitian di beberapa buah perpustakaan dengan tujuan untuk mendapatkan data-data penelitian dalam bentuk dokumen-dokumen yang berotoriti seperti manuskrip, fail rekod dan sebagainya.⁵⁹ Data-data tersebut diperolehi daripada buku, jurnal, ensiklopedia dan sebagainya dalam pelbagai bahasa. Pengkaji mendapatkan data-data tersebut daripada beberapa buah perpustakaan. Antaranya:

- a. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- b. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- c. Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- d. Perpustakaan Islam, Pusat Islam.
- e. Perpustakaan Darul Quran JAKIM
- f. Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Perguruan Sultan Idris.
- g. Perpustakaan Awam Kuala Kubu Bharu, Selangor.

b. Kajian Lapangan

Kajian lapangan dibuat untuk mendapatkan fakta mengenai penguasaan hafalan al-Quran bagi pelajar-pelajar yang mengikuti Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM-UIAM. Sehubungan itu, permohonan untuk menjalankan kajian dibuat kepada Pengarah Darul Quran JAKIM iaitu Tuan Haji Paimuzi bin Yahya. Permohonan ini telah diluluskan oleh pihak Darul Quran. Secara umumnya langkah-langkah penyelidikan yang dibuat adalah seperti berikut:

⁵⁹ Akademi Pengajian Islam (2006), *Buku Panduan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 15

JADUAL 3.3: Perbatuan Kajian

PERKARA	TARIKH
- Ujian Rintis	19 April 2012
- Analisa Ujian Rintis/ Penggredan	16 April 2012
- Pengedaran soalselidik dan ujian	14-15 May 2012

3.10.2 Kajian Rintis

Menurut Ahmad Sunawari (2006) kajian rintis adalah kajian awal yang dilakukan sebelum kajian sebenar. Menurut Chua (2006) kajian rintis atau disebut sebagai ujian rintis perlu dijalankan sebelum instrumen digunakan. Kerlinger (1986) menyatakan bahawa kajian rintis diperlukan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen atau alat kajian yang diterima pakai dalam kajian sebenar. Di samping itu ujian rintis ini juga diharapkan dapat memberikan maklumat mengenai tahap kefahaman responden terhadap item-item yang dikemukakan di samping masa yang perlu diambil oleh mereka untuk menyempurnakan semua item dalam soal selidik tersebut.

Oleh itu kesemua alat pengumpulan data akan diuji terlebih dahulu sebelum ia digunakan. Ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap kebolehpercayaan dan kebolegunaan alat tersebut untuk diketengahkan kepada sampel kajian sebenar. Ia juga perlu dipastikan supaya mampu mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan dalam kajian ini. Kajian rintis ini melibatkan kedua-dua alat pengumpulan data iaitu soal selidik dan ujian hafalan. Kedua-dua instrumen ini dijalankan terlebih dahulu kepada pelajar-pelajar yang tidak

terlibat dengan kajian sebenar iaitu pelajar-pelajar semester empat Ijazah Sarjana Muda Quran dan Sunnah di Darul Quran yang juga telah menghabiskan hafalan 30 juzu' al-Quran di Darul Quran JAKIM. Seramai 30 orang pelajar iaitu 12 lelaki dan 18 perempuan telah dipilih untuk menjawab soal selidik dan ujian hafalan tersebut. Para pelajar telah diminta untuk menjawab soal selidik dan ujian ini dalam satu masa iaitu pada 19 April 2012 (Khamis) jam 2.00 petang hingga 6.00 petang di Dewan Kuliah Baru Darul Quran. Kesemua 30 kertas soal selidik telah dipulangkan kepada pengkaji.

Kajian rintis ini perlu dijalankan terlebih dahulu untuk mengenalpasti kekeliruan atau kesulitan yang mungkin timbul sewaktu responden mengisi atau menjawab soalan-soalan tersebut. Hal ini melibatkan pembinaan item-item soal selidik, umpamanya item-item yang mungkin gagal difahami, keliru, kesamaran soalan, format soalan yang tidak menentu dan sebagainya yang menyebabkan responden tidak faham atau keliru ketika menjawab soal selidik dan ujian hafalan.

3.10.3 Keputusan Kajian Rintis

Secara keseluruhan soalan-soalan yang diajukan dalam borang soal selidik dapat difahami dengan jelas oleh semua responden dan tiada sebarang komen dan pertanyaan semasa responden menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Namun hasil daripada kajian rintis yang dijalankan, pengkaji telah membuat beberapa penambahbaikan ke atas borang soal selidik dan ujian hafalan al-Quran, antaranya,

Borang Soal Selidik:

- i) Pengkaji menstruktur kembali soalan-soalan soal selidik yang dikemukakan iaitu soalan yang perlu didahulukan dan soalan yang perlu dikemudiankan. Justeru, soalan-soalan tersebut diubah kedudukannya agar ia lebih menepati kehendak soalan.
- ii) Pengkaji telah menambah beberapa soalan bagi menguatkan dapatan kajian.
- iii) Pengkaji juga telah menukarkan beberapa soalan atau pertanyaan supaya responden lebih mudah memahami kehendak soalan.
- iv) Pengkaji telah mengubah struktur soalan dalam bentuk jadual agar lebih tersusun dan jelas.

Ujian Hafalan al-Quran Lisan (*Syafawi*)

- i) Pengkaji telah menambah soalan daripada lima soalan kepada sepuluh soalan bagi mempelbagaikan bentuk soalan. Ini kerana soalan-soalan yang dikemukakan merangkumi daripada juzu' 1 hingga juzu' tiga puluh. Justeru dengan menambah soalan akan mempelbagaikan soalan dan akan menguatkan lagi soalan-soalan tersebut.

- ii) Selain itu, penambahan soalan ini juga dilakukan hasil nasihat daripada tiga orang pakar. Sekurang-kurangnya mengikut format Peperiksaan Hafalan al-Quran (*syafawī*) bagi semester akhir yang mengemukakan sepuluh soalan bagi kategori 1 hingga 30 juzu'.

3.10.4 Pengedaran soal selidik dan ujian hafalan

Bagi tujuan pengedaran soal selidik dan ujian hafalan, pengkaji telah meminta kerjasama dan bantuan Us Mohd Aishamudin bin Samsungei yang merupakan Penyelaras Tasmī' Pensijilan, Darul Quran untuk menyediakan tarikh dan tempat yang sesuai bagi mengadakan soal selidik dan ujian hafalan ini.

Teknik pengedaran soal selidik dan ujian hafalan yang diguna pakai ialah teknik bersemuka (*face to face*).⁶⁰ Cara ini mempunyai kekuatan dan kelebihan kerana responden dapat menjawab di hadapan pengkaji dan sebarang permasalahan yang timbul boleh diselesaikan dengan serta merta.

Masa yang diambil untuk menjawab soal selidik (bahagian A, B dan C) ialah 30 minit. Manakala purata masa untuk menjawab soalan hafalan bagi setiap pelajar antara 10-30 minit berdasarkan keupayaan pelajar tersebut.

⁶⁰ David Pratt (1980), *Curriculum Design and Development*. Internasional Edition, USA: Harcuort Brace Jovonavich, h 27-28

3.11 ANALISIS DATA

Kesemua data yang berbentuk kuantitatif akan dikumpulkan dan akan dianalisa dengan menggunakan sistem komputer iaitu ‘ *The Statistical package for Social Science (SPSS) for windows versi 18.1*. Berikut dijelaskan beberapa perkara penting yang terlibat dengan kerja-kerja menganalisa data.

3.11.1 Markah Ujian

Markah ujian yang diperolehi bagi setiap responden berdasarkan ujian hafalan al-Quran akan diberi skor mengikut skema pemarkahan yang telah ditetapkan. Skor-skor ini kemudiannya akan dimasukkan ke dalam SPSS dan disusun atur mengikut tatatingkat bermula daripada skor yang tinggi kepada yang rendah. Tindakan ini dilakukan adalah untuk memudahkan pengkaji mengklasifikasi skor-skor tersebut dalam bentuk sela mengikut kategori yang telah ditetapkan. Pengklasifikasian ini dilakukan berdasarkan klasifikasi oleh Unit Peperiksaan Darul Quran.

3.11.2 Analisis Statistik Deskriptif dan Analisis Statistik Inferensi

Kajian ini menggunakan dua bentuk analisis data iaitu analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menganalisa pencapaian pelajar yang melibatkan pengiraan kekerapan, peratus, purata (min), median, mod, skor minimum, skor maksimum, julat dan sebagainya berdasarkan hasil ujian. Selain itu analisis diskriptif juga digunakan untuk menganalisa maklumat diri setiap pelajar

berdasarkan soal selidik. Hal ini melibatkan bilangan responden, jantina dan tahap sosioekonomi. Semua maklumat yang diperolehi daripada soal selidik adalah bertujuan untuk membantu penyelidik mendapatkan data sokongan bagi membolehkannya mendiskripsi penemuan secara berkesan.

Analisis bentuk kedua ialah analisis infrensi. Fungsi utama statistik infrensi ialah untuk membuat satu anggaran tentang satu indeks populasi dengan menggunakan satu indeks statistik daripada satu sampel yang representatif. Dengan menggunakan indeks statistik daripada sampel tersebut kesimpulan boleh dibuat tentang sifat sesuatu populasi.⁶¹

Dalam kajian ini, analisis data dilakukan untuk mencari min skor bagi pelajar semester tiga yang telah menghabiskan hafalan 30 juzu' al-Quran bagi membolehkan pengkaji mengesan tahap penguasaan hafalan al-Quran pelajar yang mengikuti program sijil tersebut. Min yang didapati daripada responden itu dipanggil indeks statistik yang dianggap sebagai satu anggaran yang dapat mencerminkan prestasi populasi tersebut.

3.12 KESIMPULAN

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini khusus untuk mengenalpasti penguasaan hafalan pelajar program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran- UAIM. Maklumat-maklumat yang diperolehi ini sangat penting bagi mengukur sejauhmana pencapaian para pelajar ini.

⁶¹ Alias Baba (1999), *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Dan Sains Sosial*. Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 49

BAB EMPAT

ANALISIS KAJIAN

4.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji akan memaparkan berkenaan dapatan kajian yang diperolehi dalam mengkaji penguasaan hafalan al-Quran dan permasalahan dalam Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM-UIAM. Antara aspek yang dianalisis ialah penguasaan hafalan al-Quran dengan menggunakan pembolehubah jantina dan sosioekonomi melalui ujian hafalan secara lisan (*syafawī*) dan soal selidik yang telah dilaksanakan. Bagi menganalisa dapatan kajian ini, pengkaji telah menggunakan program SPSS versi 18.1. Pengkaji menganalisis data dalam dua bentuk iaitu deskriptif dan inferensi. Bagi maklumat responden dan soal selidik pengkaji menggunakan analisa deskriptif, manakala bagi melihat perbezaan jantina dan sosioekonomi melalui ujian hafalan yang telah dilakukan, pengkaji akan menganalisa dalam bentuk inferensi.

Dalam melaksanakan kajian, pengkaji telah memilih pelajar semester akhir iaitu semester tiga Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM-UIAM. Kesemua pelajar ini telah menghabiskan hafalan al-Quran 30 juzu' dan telah disahkan oleh pihak Darul Quran JAKIM melalui penyampaian sijil khatam dalam Majlis Khatam Hafalan al-Quran yang telah diadakan oleh pihak Darul Quran. Pelajar-pelajar ini juga telah melalui sistem pengajian di Darul Quran sejak daripada semester satu lagi. Sudah semestinya para pelajar ini telah memahami sistem pengajian di Darul Quran khususnya dalam aspek hafalan al-Quran.

Dalam semester akhir ini terdapat 119 orang pelajar iaitu 68 lelaki dan 51 perempuan. Pengkaji telah memilih 60 orang pelajar semester akhir ini sebagai responden dalam soal selidik dan ujian hafalan al-Quran Syafawi. Mereka terdiri daripada 30 orang pelajar lelaki dan 30 orang pelajar perempuan. Bagi menjalankan kajian terhadap pelajar-pelajar tersebut, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik yang mengandungi 44 soalan yang dibahagikan dalam beberapa bahagian iaitu:

- i. Bahagian A: Latarbelakang responden
- ii. Bahagian B: Pencapaian hafalan al-Quran
- iii. Bahagian C: Permasalahan dalam menghafal al-Quran

Selain daripada soal selidik, pengkaji juga telah mengadakan ujian hafalan al-Quran secara lisan (*Syafawī*) yang diadakan serentak dengan pengedaran soal selidik pada 14 dan 15 Mei 2012 bertempat di Perpustakaan Darul Quran JAKIM. Pengkaji telah memecahkan pelajar kepada lelaki dan perempuan iaitu lelaki pada 14 Mei 2012 dan perempuan pada 15 Mei 2012 bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Seramai 60 responden telah dipilih untuk menduduki ujian ini terdiri daripada 30 orang lelaki dan 30 orang perempuan.

Sebelum mengedarkan borang soal selidik dan mengadakan ujian hafalan, pengkaji telah mengadakan sesi taklimat kepada semua responden sebelum setiap sesi ujian tersebut. Ia bertujuan untuk menerangkan tujuan kajian ini dilaksanakan. Dalam masa yang sama dapat menjelaskan dengan terperinci item-item dalam borang soal selidik agar para responden memahami setiap soalan yang diajukan. Pengkaji telah mendapat kerjasama yang baik dari setiap responden yang mengikuti ujian tersebut.

4.1 PROFIL RESPONDEN

Kajian ini telah melibatkan 60 orang pelajar semester akhir iaitu semester tiga Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM. Daripada 60 orang pelajar tersebut 30 orang (50%) adalah pelajar lelaki dan 30 orang (50%) pelajar perempuan. Kesemua pelajar ini (100%) berumur 19 tahun. 36 orang (60%) tinggal di kawasan Bandar dan selebihnya 24 orang (40%) tinggal di kawasan luar Bandar.

Manakala profil pelajar berdasarkan sosioekonomi pula ialah 22 orang (36.7%) daripada kalangan keluarga yang berpendapatan RM3000 ke atas (pendapatan tinggi), 18 orang (30%) daripada kalangan keluarga berpendapatan RM1000- 2999 (pendapatan sederhana) dan 20 orang (33.3%) daripada keluarga yang berpendapatan RM999 ke bawah (pendapatan rendah). Jadual 4.1 di bawah menunjukkan profil responden yang terlibat dengan kajian ini.

JADUAL 4.1: Profil Responden Kajian

		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	30	50%
	Perempuan	30	50%
Umur	19 tahun	60	100%
Tempat tinggal	Bandar	36	60%
	Luar Bandar	24	40%

Pendapatan	RM3000 ke atas (tinggi)	22	36.7%
	RM1000-RM2999(sederhana)	18	30%
	RM999 ke bawah(rendah)	20	33.3%

4.2 TAHAP PENGUASAAN HAFALAN AL-QURAN SECARA KESELURUHAN

Bagi melaporkan tahap penguasaan hafalan al-Quran di kalangan pelajar semester tiga Program Persijilan Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM, pengkaji telah melaksanakan ujian hafalan al-Quran secara lisan (*syafawī*) pada 14-15 Mei 2012 bertempat di Perpustakaan Darul Quran JAKIM. Sebanyak 10 soalan telah diajukan kepada setiap pelajar.

Bagi menganalisa ujian hafalan ini, pengkaji telah menggunakan julat skor yang digunakan oleh Darul Quran JAKIM di dalam peperiksaan yang melibatkan mata pelajaran hafalan samaada secara lisan ataupun bertulis. Ia melibatkan lima kategori iaitu peringkat cemerlang (*mumtāz*) : 90-100, sangat baik (*jayyidjiddan*): 80-89, baik (*jayyid*): 70-79, lulus (*maqbul*):55-69 dan gagal (*rāṣīb*): 54 ke bawah.

Berdasarkan analisis keseluruhan yang telah dijalankan, didapati tahap penguasaan hafalan dalam kalangan pelajar yang dikaji adalah kurang memuaskan. Pengiraan statistik deskriptif menunjukkan skor min bagi keseluruhan 60 orang pelajar ialah 1.85 dengan sisihan piawainya 0.971. Nilai ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini mempunyai penguasaan hafalan yang kurang memuaskan. Prestasi

keseluruhan penguasaan hafalan al-Quran dapat dijelaskan dengan lebih sempurna dalam jadual 4.2 di bawah.

JADUAL 4.2: Penguasaan hafalan al-Quran bagi keseluruhan pelajar

PERKARA	JUMLAH PELAJAR	MIN	SISIHAN PIAWAI
DAPATAN	60	1.85	0.971

Analisis seterusnya dilakukan untuk melihat tahap penguasaan hafalan al-Quran pelajar secara keseluruhan mengikut julat skor yang telah ditetapkan. Hasil penemuan menunjukkan bahawa daripada 60 orang pelajar yang diuji, hanya seorang (1.7%) yang berjaya mendapat pangkat *mumtaz*, 4 orang (6.7%) mendapat pangkat *jayyid jiddan*, 6 orang (10%) mendapat pangkat *jayyid*, 23 orang (38.3) mendapat pangkat *maqbul* dan selebihnya 26 orang (43.3%) gagal dalam ujian berkenaan. Ini bermakna hanya 56.7 % peratus atau 34 orang sahaja yang lulus dalam ujian ini, manakala 43.4% atau 26 orang gagal seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

JADUAL 4.3: Tahap Penguasaan Hafalan Pelajar berdasarkan pangkat

Pangkat	Julat Skor	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
<i>Mumtaz</i>	90-100	1	1.7
<i>Jayyid Jiddan</i>	80-89	4	6.7
<i>Jayyid</i>	70-89	6	10
<i>Maqbul</i>	55-69	23	38.3
<i>Rasib</i>	54-1	26	43.3

Apa yang jelas daripada ujian ini ialah kebanyakan pelajar masih tidak dapat menguasai hafalan al-Quran dengan baik.

4.3 TAHAP PENGUASAAN HAFALAN BERDASARKAN JANTINA

Kajian ini juga dijalankan berdasarkan pembolehubah jantina. Ia melibatkan seramai 30 orang pelajar lelaki dan 30 orang pelajar perempuan yang menuntut di semester tiga. Analisis keseluruhan penguasaan hafalan al-Quran responden mengikut jantina adalah seperti berikut:

JADUAL 4.4: Penguasaan Hafalan Pelajar Berdasarkan Pembolehubah Jantina

Jantina	Min	N	Sisihan Piawai	Median	Skor Minimum	Skor Maksimum
Lelaki	1.97	30	1.159	4.00	90-100	0-54
Perempuan	1.73	30	0.740	4.00	80-89	0-54
Total	1.85	60	0.971	4.00	90-100	0-54

4.3.1 Ujian-t Perbezaan Tahap Bacaan al-Quran Berdasarkan Jantina

Untuk melihat perbezaan penguasaan hafalan al-Quran bagi kedua-dua kumpulan di atas analisis statistik ujian-t (*independent Samples Test*) telah digunakan. Daripada analisis t-test yang dijalankan mendapati bahawa $M=1.97$, $SD=1.159$ bagi responden lelaki dan $M=1.73$, $SD=0.740$ bagi responden perempuan, dengan nilai $t=0.929$, $Sig=0.357 > 0.05$. Nilai ini menunjukkan tidak wujudnya perbezaan bagi tahap penguasaan hafalan al-Quran di kalangan responden lelaki dan perempuan. Perkara ini boleh dilihat dalam jadual di bawah.

JADUAL 4.5: Ujian-t Perbezaan Penguasaan Hafalan al-Quran Berdasarkan Jantina

Kumpulan	N	Min	SP	Nilai-t	Df	Sig (2 tailed)
Lelaki	30	1.97	1.159	0.929	58	0.357
Perempuan	30	1.73	0.740			

4.4 TAHAP PENGUASAAN HAFALAN AL-QURAN BERDASARKAN STATUS SOSIOEKONOMI

Analisis berdasarkan status sosioekonomi adalah melihat kepada jumlah pendapatan ibubapa pelajar. Mereka kemudiannya dikelompokkan kepada tiga kategori iaitu pelajar yang datang daripada keluarga yang status ekonomi mereka tinggi, sederhana dan rendah. Daripada 60 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini, seramai 22 orang adalah daripada keluarga yang sosioekonomi tinggi, 18 orang pelajar daripada sosioekonomi sederhana dan 20 orang pelajar daripada keluarga sosioekonomi rendah. Seperti kumpulan pelajar lain, mereka telah diminta untuk menjalani ujian *Syafawi* al-Quran bagi menentukan penguasaan hafalan al-Quran mereka.

Daripada kajian yang telah dijalankan didapati skor min bagi 22 orang pelajar yang sosioekonomi tinggi ialah 2.00 dengan sisihan piawainya sebanyak 1.195. Nilai titik tengahnya ialah 2.00. Skor minimum yang diperolehi kumpulan ini ialah 0-54 dan skor maksimumnya ialah 90-100. Bagi kumpulan pelajar yang status sosioekonominya

sederhana, didapati skor min yang diperolehi ialah 1.78 dengan sisihan piawainya sebanyak 0.732. Nilai titik tengahnya ialah 2.00. Skor minimum yang diperolehinya ialah 0-54 dan skor maksimumnya ialah 80-89. Seterusnya bagi kumpulan yang datang daripada sosioekonomi rendah skor min yang diperolehi ialah 1.75 dengan sisihan piawainya ialah 0.910. Skor minimum bagi kumpulan ini ialah 0-54 manakala skor maksimumnya ialah 80-89.

Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa kumpulan yang status sosioekonomi keluarganya tinggi menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam penguasaan hafalan al-Quran berbanding dengan kumpulan-kumpulan lain. Namun perbezaan tersebut tidaklah terlalu tinggi. Penguasaan hafalan al-Quran berdasarkan pembolehubah tahap sosioekonomi dijelaskan dalam jadual di bawah:

JADUAL 4.6: Penguasaan hafalan berdasarkan sosioekonomi

Statistik (n=119)	Sosioekonomi Rendah (n=20)	Sosioekonomi Sederhana (n=18)	Sosioekonomi Tinggi (n=18)
Min	1.75	1.78	2.00
Median	1.50	2.00	2.00
Sisihan Piawai	0.910	0.732	1.195
Skor Minimum	0-54	0-54	0-54
Skor Maksimum	80-89	80-89	90-100

4.5 ANALISIS SOAL SELIDIK

Kajian ini juga melibatkan analisis menyeluruh terhadap maklumat yang diperolehi daripada soalselidik. Soalselidik ini dilaksanakan bagi mendapatkan fakta-fakta berhubung kajian yang dilaksanakan mengenai penguasaan hafalan pelajar bagi program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran UIAM. Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu maklumat diri responden, penguasaan hafalan dan permasalahannya.

4.5.1 Maklumat Diri Responden

Usaha yang pertama dilakukan terhadap soalselidik ini ialah analisis maklumat diri dan latar belakang keluarga pelajar bagi memilih dan menentukan bilangan pembolehubah-pembolehubah yang mencukupi dan sesuai untuk kajian ini. Sehubungan itu, pengkaji telah memilih dua pembolehubah dalam soalseldik berkenaan maklumat diri responden iaitu jantina dan sosioekonomi. Jantina dalam kajian ini mewakili responden lelaki seramai 30 orang(50%) dan perempuan juga seramai 30 orang (50%).

Manakala bagi bahagian sosioekonomi pula, responden dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu keluarga status berpendapatan tinggi seramai 22 orang. 18 orang daripada kalangan keluarga berpendapatan sederhana dan 20 orang daripada keluarga yang berpendapatan rendah.

Selain daripada maklumat di atas, pengkaji juga menanyakan soalan berkaitan dengan penghafalan al-Quran, antaranya:

- Sebab memilih pengajian di Darul Quran
- Bilangan *maqra'* yang dihafal setiap hari
- Masa yang diperuntukkan untuk menghafal al-Quran setiap hari
- Masa yang diperuntukkan untuk mengulang al-Quran setiap hari
- Pengalaman menghafal al-Quran
- Bilangan juzu' yang diingati

i. Sebab memilih pengajian di Darul Quran

Apabila ditanya soalan ini, majoriti responden iaitu seramai 51 orang (85%) memilih jawapan pilihan sendiri. Hanya 5 orang (8.3%) memilih pilihan keluarga dan masing-masing 2 orang (3.3%) memilih nasihat guru dan mengikut kawan. Ini membuktikan majoriti pelajar yang memilih untuk menyambung pengajian di Darul Quran adalah kerana pilihan diri sendiri bukannya paksaan pihak lain.

JADUAL 4.7: Sebab belajar di Darul Quran

PERKARA	BILANGAN	PERATUSAN
pilihan sendiri	51	85.0
pilihan keluarga	5	8.3
nasihat guru	2	3.3
mengikut kawan	2	3.3
Jumlah	60	100.0

ii. Bilangan *maqra'* yang dihafal setiap hari

Berkaitan bilangan *maqra'* yang dihafal setiap hari, kajian menunjukkan majoriti pelajar menghafal 2 *maqra'* sehari iaitu seramai 41 orang (68.3%), diikuti 1 *maqra'* seramai 10 orang (16.7%), 3 *maqra'* seramai 6 orang (10%) dan 4 *maqra'* 1 orang (1.7%). Manakala pelajar yang menghafal melebihi 4 *maqra'* sehari hanya 2 orang (3.3%). Ini menunjukkan keupayaan menghafal majoriti pelajar program ini sederhana iaitu majoritinya menghafal hanya dua *maqra'* sehari. Butirannya dalam jadual di bawah:

JADUAL 4.8: Bilangan *maqra'* yang dihafal

Bilangan <i>Maqra'</i>	Bilangan Pelajar	Peratusan
lebih 4 <i>maqra'</i>	2	3.3
4 <i>maqra'</i>	1	1.7
3 <i>maqra'</i>	6	10.0
2 <i>maqra'</i>	41	68.3
1 <i>maqra'</i>	10	16.7
Jumlah	60	100.0

iii. Masa yang diperuntukkan untuk menghafal al-Quran setiap hari

Sekiranya melihat jadual di bawah majoriti pelajar menghafal ayat baru selama 4 jam sehari iaitu seramai 20 orang (33.3%), Diikuti seramai 15 orang (25%) menghafal dalam masa 3 jam. Seramai 11 orang(18.3%) menghafal selama 5 dan 2 jam. 2 orang (3.3%) menghafal hafalan baru melebihi 6 jam dan hanya seorang

menghafal dalam masa 6 jam. Ini menunjukkan para pelajar mengambil masa yang lama untuk menghafal ayat baru. Kemungkinan disebabkan para pelajar terpaksa mengejar sukatan hafalan yang ditetapkan selama lapan belas bulan. Apabila keadaan ini berlaku para pelajar tidak dapat mengulang hafalan dengan baik.

JADUAL 4.9: Masa untuk menghafal al-Quran

Bilangan jam	Bilangan pelajar	Peratusan
2 jam	11	18.3
3 jam	15	25.0
4 jam	20	33.3
5 jam	11	18.3
6 jam	1	1.7
lebih 6 jam	2	3.3
Jumlah	60	100.0

iv. Masa yang diperuntukkan untuk mengulang al-Quran setiap hari

Sekiranya melihat jadual di bawah majoriti pelajar iaitu seramai 25 orang (41.7%) menyediakan masa hanya 1 jam untuk mengulang hafalan., manakala seramai 12 orang (20%) mengulang hafalan dalam masa dua dan tiga jam. Hanya sebelas orang yang mengulang hafalan melebihi 4 jam. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar menumpukan hafalan kepada hafalan baru berbanding mengulang hafalan yang lepas. Ini akan memberikan kesan kepada hafalan yang lepas untuk benar-benar mengingati ayat-ayat yang telah dihafal. Melihat kepada masa yang suntuk untuk menghafal akan memberikan tekanan kepada pelajar untuk mengulang hafalan yang

telah dihafal. Kesannya para pelajar tidak akan dapat mengingati dengan baik ayat-ayat yang dihafal.

JADUAL 4.10: Masa utk mengulang

Bilangan jam	Bilangan pelajar	Peratusan
1 jam	25	41.7
2 jam	12	20.0
3 jam	12	20.0
4 jam	5	8.3
5 jam	3	5.0
6 jam	2	3.3
lebih 6 jam	1	1.7
Jumlah	60	100.0

v. Pengalaman menghafal al-Quran

Soalan ini sangat penting diajukan kepada pelajar bagi mengesan bilangan pelajar yang pernah menghafal al-Quran 30 juzu' sebelum memasuki Darul Quran JAKIM. Melalui kajian ini hanya 5 orang (8.3%) sahaja yang pernah menghafal al-Quran 30 juzu' iaitu 2 orang lelaki dan 3 orang perempuan berbanding 55 orang (91.7%) yang tidak pernah menghafal al-Quran 30 juzu' sebelum daripada ini iaitu 28 orang lelaki dan 27 orang perempuan.

JADUAL 4.11: Pelajar yang pernah menghafal al-Quran

Jantina	pernah menghafal		Jumlah
	pernah	tidak pernah	
Lelaki	2	28	30
Perempuan	3	27	30
Jumlah	5	55	60

i. Bilangan juzu' yang diingati

Dalam soal selidik ini, pengkaji ingin mendapatkan maklumat daripada responden berkenaan hafalan al-Quran yang telah dihafal dan dalam masa yang sama diingati oleh para pelajar. Jadual di bawah menunjukkan juzu' yang diingati oleh responden.

JADUAL 4.12: juzu' yang diingati

JUZU'	INGAT	TIDAK INGAT
1-5	53(88.3%)	7(11.7%)
6-10	11(18.3%)	49(81.7%)
11-15	4(6.7%)	56(93.3%)
16-21	3(5%)	57(95%)
21-25	1(1.7%)	59(58.3%)
26-30	7(11.7%)	53(88.3%)

Daripada jadual di atas jelas menunjukkan juzu'-juzu' yang diingati oleh para pelajar. Juzu' 1 hingga 5 yang paling diingati oleh para pelajar iaitu seramai 53 orang (88.3%) dan hanya 7 orang(11.7%) yang tidak mengingati sebahagian besar juzu' 1-5. Manakala bagi juzu' 6 hingga 10 seramai 11 orang sahaja (18.3%) yang mengakui mengingati juzu'-juzu' tersebut. Juzu' yang paling sedikit diingati oleh para pelajar ialah juzu' 21 hingga 25 apabila hanya seorang yang mengakui mengingati juzu'-juzu' tersebut. Jawapan-jawapan ini menunjukkan kelemahan

hafalan para pelajar apabila sebahagian besar juzu'- juzu' yang dihafal tidak diingati oleh para pelajar.

4.5.2 PENGUASAAN HAFALAN

Dalam soal selidik yang telah dijalankan, pengkaji telah meletakkan tajuk penguasaan hafalan di bahagian B. Dalam bahagian ini pengkaji ingin mendapatkan maklumbalas responden berhubung usaha-usaha yang telah dilaksanakan dan peranan-peranan yang dimainkan untuk menguasai hafalan al-Quran.

Secara purata, apabila dianalisis menggunakan analisis diskriptif untuk mendapatkan nilai purata min dan sisihan piawai bagi Bahagian B berkenaan pencapaian hafalan, min yang diperolehi ialah 3.60 manakala sisihan piawainya ialah 0.294. Ini menunjukkan nilai min berada di paras sederhana tinggi.

JADUAL 4.13: Analisis diskriptif Bahagian B

	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan piawai
Bahagian B	60	2.91	4.18	3.6030	0.29373

Untuk menjelaskan lagi item-item soal selidik tersebut, di bawah ini disertakan jadual yang menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item soalan yang ditanya:

JADUAL 4.14: Keputusan soal selidik Bahagian B

BIL	PERKARA	STT	TS	TP	S	SS	MIN	S.P
B1	Saya berjaya menghabiskan muqarrar yang ditetapkan untuk hafalan quran.	-	5	-	20	35	4.42	0.869
B2	Saya berpuas hati dengan pencapaian hafalan al-Quran saya.	15	30	11	4	-	2.07	0.841
B3	Kegiatan kerohanian di Darul Quran membantu menguatkan hafalan saya.	1	8	15	28	8	3.57	0.945
B4	Penjagaan pancaindera dari perkara yang haram membantu saya mengekalkan hafalan.	1	1	6	24	28	4.28	0.846
B5	Usaha mengekalkan hafalan adalah satu usaha yang sukar bagi saya.	-	-	2	26	32	4.50	0.567
B6	Ketegasan guru tasmi' mendorong saya untuk menghafal dan mengulang hafalan dengan baik.	2	5	12	25	16	3.80	1.038
B7	Saya sering mendapatkan bantuan rakan di Darul Quran semasa menghafal dan mengulang hafalan.	-	7	13	31	9	3.70	0.869
B8	Aktiviti fizikal di Darul Quran membina minda saya untuk menghafal dan mengulang hafalan.	-	12	24	21	3	3.25	0.836

B9	Kakitangan Darul Quran dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang positif di Darul Quran.	4	15	32	8	1	2.78	0.825
B10	Kehendak diri sendiri merupakan faktor terpenting dalam menghafal al-Quran.	-	-	2	15	43	4.68	0.537
B11	Dorongan keluarga juga merupakan faktor yang membantu saya menghafal al-Quran.	-	-	7	30	23	4.27	0.660
B12	Saya melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti pembelajaran di Darul Quran.	1	6	7	33	13	3.85	0.936
B13	Saya mengambil berat dalam menjaga masa untuk hadir ke kelas tasmi'.	-	9	10	24	17	3.82	1.017
B14	Kakitangan Darul Quran sentiasa memberikan galakan kepada saya untuk meneruskan pengajian saya.	6	14	25	12	3	2.87	1.016
B15	Saya mengambil berat terhadap adab-adab sebelum dan selepas menghafal.	-	4	22	27	7	3.62	0.783
B16	Matapelajaran selain hafalan di Darul Quran menjejaskan pencapaian hafalan saya.	25	25	8	1	1	1.80	0.860
B17	Saya sentiasa berusaha untuk menghabiskan hafalan dalam tempoh waktu yang lebih awal.	2	5	7	30	16	3.88	1.010

B18	Kegagalan menghafal al-Quran dalam tempoh masa yang ditetapkan melemahkan semangat saya untuk meneruskan hafalan.	3	16	10	19	12	3.35	1.219
B19	Saya rasa tertekan dan terpaksa untuk menghafal dan mengulang hafalan.	8	15	13	15	9	3.03	1.288
B20	Istiqamah dan disiplin penting bagi menghafal dan mengulang hafalan.	-	-	1	11	48	4.78	0.454
B21	Semasa menghafal saya juga menggunakan masa tersebut untuk mengulang hafalan.	4	19	17	15	5	2.97	1.089
B22	Menjadi seorang hafiz merupakan matlamat saya belajar di Darul Quran.	2	4	6	29	19	3.98	1.000

Setelah dianalisis, nilai min tertinggi yang diperolehi ialah 4.78 dengan sisihan piawai 0.454 pada soalan B20 iaitu berkenaan istiqamah dan disiplin penting bagi menghafal dan mengulang hafalan. Ini menunjukkan responden memahami dan mengetahui kepentingan istiqamah dan disiplin dalam menghafal dan mengulang hafalan. Ini kerana para pelajar sentiasa diberi nasihat oleh para guru terutamanya guru tasmi' tentang kepentingan istiqamah dan disiplin dalam menghafal al-Quran.

Begitu juga dalam item B10 iaitu kehendak diri sendiri merupakan faktor terpenting dalam menghafal al-Quran, nilai min yang diperolehi ialah 4.68 dengan sisihan piawai 0.537. Ini menunjukkan para pelajar mengakui kepentingan diri sendiri dalam menghafal al-Quran. Tanpa usaha yang gigih daripada individu itu sendiri kejayaan tidak akan diperolehi.

Kebanyakan responden juga mengakui usaha untuk mengekalkan hafalan adalah satu usaha yang sukar dengan nilai min 4.50, sisihan piawai 0.567.

Selain itu, majoriti responden juga mengakui peranan keluarga yang juga merupakan faktor yang membantu untuk menguasai hafalan dengan nilai min 4.27, sisihan piawai 0.660. Ini menunjukkan keluarga memainkan peranan penting dalam membantu para pelajar untuk menguasai hafalan. Keluarga yang mengambil berat akan pembelajaran anak-anak akan memberikan suntikan motivasi kepada anak itu sendiri. Begitu juga dengan peranan rakan dalam soalan B7, nilai min yang diperolehi ialah 3.70, sisihan piawai 0.869. Bermakna di sini kebanyakan responden mengakui peranan yang dimainkan oleh keluarga dan rakan dalam membantu penguasaan hafalan.

Daripada aspek peranan yang dimainkan guru dalam soalan B6, kebanyakan responden mengakui ketegasan guru tasmi' mendorong pelajar mengulang dan menghafal al-Quran dengan nilai min yang diperolehi 3.80, sisihan piawai 1.038. Ini menunjukkan peranan guru sangat penting dalam membantu penguasaan hafalan pelajar. Guru yang kreatif dan berdedikasi akan sentiasa memastikan para pelajarnya dapat menghafal dengan baik melalui sistem hafalan yang mantap.

Seterusnya peranan yang dimainkan oleh pihak Institusi iaitu Darul Quran dan kakitangannya. Dalam soalan B3 berkenaan aktiviti kerohanian di Darul Quran, nilai min yang diperolehi ialah 3.57, sisihan piawai 0.946 menunjukkan majoriti responden mengakui kegiatan kerohanian di Darul Quran membantu menguatkan hafalan al-Quran. Begitu juga aktiviti fizikal dalam soalan B8, nilai min 3.25, sisihan piawai 0.836 menunjukkan aktiviti

fizikal di Darul Quran membina minda pelajar untuk menghafal dan mengulang hafalan. Majoriti responden juga mengakui terlibat dengan aktif dalam aktiviti pembelajaran di Darul Quran dengan nilai min 3.85, sisihan piawai 0.936. Ini menunjukkan Darul Quran berjaya mengadakan program untuk meningkatkan lagi penguasaan hafalan pelajar.

Namun demikian apabila ditanya soalan berkaitan kakitangan Darul Quran, antaranya dalam soalan B9 iaitu kakitangan Darul Quran dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang positif nilai min yang diperolehi ialah 2.78, sisihan piawai 0.825, begitu juga pada soalan B14 iaitu kakitangan Darul Quran sentiasa memberikan galakan untuk meneruskan pengajian, nilai min yang diperolehi 2.87, sisihan piawai 1.016. Ini menunjukkan kebanyakan responden tidak berpuashati terhadap peranan yang dimainkan oleh kakitangan Darul Quran sendiri. Ini mungkin disebabkan hubungan yang tidak rapat antara kakitangan Darul Quran dengan para pelajar. Kebanyakan pelajar hanya mengenali guru-guru yang mengajar mereka.

Nilai min yang paling rendah diperolehi ialah 1.80, sisihan piawai 0.860 dalam soalan B16 iaitu matapelajaran selain hafalan di Darul Quran menjejaskan pencapaian hafalan. Ini menunjukkan majoriti responden mengakui matapelajaran selain hafalan tidak mengganggu mereka untuk menguasai hafalan al-Quran.

4.5.3 PERMASALAHAN

Selain daripada aspek penguasaan hafalan, pengkaji juga ingin melihat daripada aspek permasalahan yang wujud dalam menguasai hafalan al-Quran di kalangan pelajar Program

Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran – UIAM. Soalan-soalan berkaitan permasalahan ini diajukan di bahagian C borang soal selidik. Terdapat 21 soalan di bahagian ini.

Secara purata, nilai min yang diperolehi di bahagian C ini ialah 3.15 dengan sisihan piawai 0.286. Nilai ini menunjukkan kedudukan sederhana tinggi yang menggambarkan majoriti responden bersetuju dengan soalan-soalan yang dikemukakan. Di bawah ini disertakan jadual menunjukkan nilai min dan sisihan piawai soalan-soalan di bahagian C.

JADUAL 4.15: Analisis diskriptif Bahagian C

PERKARA	JUMLAH	MINIMUM	MAKSIMUM	MIN	SISIHAN PIAWAI
Bahagian C	60	2.33	3.76	3.15	0.286

Bagi menjelaskan lagi item-item soalan di bahagian C, di bawah ini disertakan jadual yang mengandungi nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item soalan yang ditanya di bahagian ini:

JADUAL 4.16: Keputusan soal selidik Bahagian C

BIL	PERKARA	STT	TS	TP	S	SS	MIN	S.P
C1	Darul Quran mempunyai kaedah tersendiri untuk menghafal dan mengekalkan hafalan.	8	17	26	9	-	2.60	0.906

C2	Saya mempraktikkan kaedah hafalan mengikut kaedah yang disediakan oleh guru tasmi' saya.	3	18	9	25	5	3.18	1.112
C3	Guru tasmi' memberi kebebasan kepada saya mempraktikkan kaedah hafalan sendiri.	2	3	4	30	21	4.08	0.962
C4	Saya tidak menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan kaedah hafalan yang digunakan oleh guru tasmi' saya.	1	10	17	23	9	3.48	1.000
C5	Saya menggunakan kaedah yang pelbagai untuk menghafal al-Quran.	1	14	3	28	14	3.67	1.130
C6	Guru tasmi' memberikan penekanan dalam aspek tajwid dalam pembacaan al-Quran.	1	5	4	25	25	4.13	0.982
C7	Guru tasmi' sentiasa memberi galakan untuk saya menghafal al-Quran dengan baik.	-	2	3	21	34	4.45	0.746
C8	Guru tasmi' sentiasa memberi peringatan kepada saya agar mengamalkan ajaran al-Quran.	-	3	8	23	26	4.20	0.860
C9	Secara peribadi, saya mempunyai masalah dengan guru tasmi'.	36	21	2	1	-	1.47	0.650
C10	Guru tasmi' membuatkan saya rasa tertekan untuk menghafal dan mengulang hafalan.	26	21	7	5	1	1.90	1.020

C11	Masalah peribadi dan keluarga juga membuatkan saya tasa tertekan untuk menghafal dan mengulang hafalan.	21	18	8	10	3	2.27	1.247
C12	Ingatan kepada keluarga menjejaskan pencapaian hafalan.	27	22	7	4	-	1.80	0.898
C13	Faktor umur menjadi kekangan kepada saya dalam usaha menghafal al-Quran.	21	26	6	6	1	2.00	1.008
C14	Tempoh masa yang singkat bagi program persijilan ini menyebabkan saya gagal memantapkan hafalan.	2	10	6	22	20	3.80	1.176
C15	Saya melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti Ko-kurikulum di Darul Quran.	3	12	9	28	8	3.43	1.110
C16	Keterlibatan dalam aktiviti ko-kurikulum menjejaskan prestasi saya dalam hafalan Quran.	10	28	15	6	1	2.33	0.933
C17	Suasana di Darul Quran sesuai untuk saya menghafal al-Quran.	1	1	1	20	37	4.52	0.770
C18	Peraturan di Darul Quran amat sesuai untuk saya menghafal al-Quran.	10	9	14	21	6	3.07	1.260
C19	Prasarana dan kemudahan yang disediakan Darul Quran membantu saya untuk menghafal al-Quran.	5	9	11	29	6	3.37	1.119
C20	Penjagaan tentang makanan dan minuman membantu saya menghafal dan mengekalkan hafalan.	3	3	18	27	9	3.60	0.978

C21	Penyediaan makanan dan minuman di asrama Darul Quran sesuai untuk saya sebagai penghafal al-Quran.	9	15	20	15	1	2.73	1.056
-----	--	---	----	----	----	---	------	-------

Daripada jadual di atas, nilai min tertinggi yang dicatatkan ialah 4.52, sisihan piawai 0.770 di dalam soalan C17 berkenaan suasana di Darul Quran sesuai untuk menghafal al-Quran. Ini menunjukkan majoriti responden tidak menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan suasana di Darul Quran untuk menghafal al-Quran. Dengan suasana pemandangan yang indah dan menghijau menjadikan Darul Quran adalah tempat yang sesuai untuk menghafal al-Quran.

Manakala dari sudut prasarana dan kemudahan yang disediakan di Darul Quran, nilai min yang diperolehi ialah 3.37, sisihan piawai 1.119 menunjukkan kebanyakan responden berpuashati dengan kemudahan yang disediakan, namun terdapat juga responden yang tidak berpuashati dengan tahap kemudahan yang disediakan.

Namun daripada aspek peraturan di Darul Quran, nilai min yang diperolehi 3.07, sisihan piawai 1.26 menunjukkan ramai di antara responden tidak berpuashati terhadap peraturan-peraturan yang ada di Darul Quran. Ini kerana peraturan-peraturan yang diwujudkan di Darul Quran agak ketat bagi memastikan para pelajar mempunyai disiplin dan sakhsiah yang tinggi.

Seterusnya daripada aspek kaedah hafalan, nilai min yang diperolehi hanya 2.60, sisihan piawai 0.906 menunjukkan majoriti responden bersetuju Darul Quran tidak mempunyai

kaedah yang tersendiri dalam menghafal dan mengulang hafalan. Kebanyakan daripada mereka mengakui mempraktikkan kaedah tersendiri dalam menghafal al-Quran apabila dalam soalan C3 iaitu guru tasmi memberikan kebebasan untuk mempraktikkan kaedah hafalan sendiri nilai min yang diperolehi ialah 4.08, sisihan piawai 0.962. Ini merupakan satu permasalahan yang besar dihadapi oleh para pelajar kerana mereka tidak dipantau dengan baik dalam aspek mempraktikkan kaedah hafalan yang bersesuaian. Seharusnya Darul Quran menyediakan kaedah hafalan yang tersendiri khusus untuk pelajar program ini yang berbeza dengan program-program yang lain.

Dalam aspek permasalahan yang wujud dengan guru tasmi', apabila ditanya soalan C9 iaitu secara peribadi, saya mempunyai masalah dengan guru tasmi' nilai min yang diperolehi ialah 1.47, sisihan piawai 0.650 menunjukkan majoriti responden tidak menghadapi masalah dengan guru tasmi'. Begitu juga dalam soalan C10 iaitu guru tasmi' membuatkan saya rasa tertekan untuk menghafal al-Quran, nilai min yang diperolehi ialah 1.90, sisihan piawai 1.020. Secara umum para pelajar tidak menghadapi masalah dengan guru tasmi' mereka.

Namun dalam soalan C2 iaitu saya mempraktikkan kaedah hafalan mengikut kaedah yang disediakan oleh guru tasmi' saya nilai min yang diperolehi ialah 3.18, sisihan piawai 1.112 menunjukkan ramai antara responden yang tidak mengikut kaedah yang ditunjukkan oleh guru tasmi' mereka. Begitu juga dalam soalan C4 iaitu saya tidak menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan kaedah hafalan yang digunakan oleh guru tasmi' saya, nilai min yang diperolehi ialah 3.48, sisihan piawai 1.000. Bermakna di sini terdapat masalah dalam peranan yang diberikan oleh guru tasmi' untuk memberikan tunjuk ajar

dalam menggunakan kaedah terbaik dalam menghafal al-Quran. Disini berkemungkinan besar guru tasmi' tidak memberikan tunjuk ajar yang sepenuhnya berkenaan teknik hafalan yang diamalkan oleh para pelajar. Begitu juga dengan teknik mengulang hafalan.

Namun daripada aspek penekanan terhadap ilmu tajwid, majoriti responden mengakui guru tasmi memberikan penekanan dalam aspek tajwid ketika menghafal al-Quran. Begitu juga dari sudut memberikan peringatan dan galakan untuk menghafal dan mempraktikkan ajaran al-Quran.

Seterusnya daripada aspek masalah peribadi dan keluarga, nilai min yang diperolehi ialah 2.27, sisihan piawai 1.247 menunjukkan kebanyakan responden tidak berhadapan dengan masalah ini yang boleh menyebabkan mereka rasa tertekan. Begitu juga daripada aspek ingatan terhadap keluarga menjejaskan hafalan, nilai min yang diperolehi ialah 1.80, sisihan piawai 0.898. Ini menunjukkan majoriti pelajar tidak menghadapi masalah keluarga yang boleh menyebabkan kemerosotan dalam menghafal al-Quran.

Namun dari sudut tempoh masa bagi pelaksanaan program ini, kebanyakan responden bersetuju tempoh masa yang singkat bagi program ini menyebabkan mereka gagal menguasai hafalan al-Quran dengan baik, nilai min yang diperolehi ialah 3.80, sisihan piawai 1.176. Berbeza dengan program pengajian lain, mereka hanya mempunyai masa lapan belas bulan sahaja untuk menghafal al-Quran. Sudah semestinya ini merupakan cabaran yang besar kepada mereka dan mengakibatkan ramai diantara pelajar yang gagal menguasai hafalan dengan baik.

Dalam aspek pemakanan, majoriti responden bersetuju penjagaan makanan dan minuman penting bagi membantu menghafal dan mengingati hafalan, nilai min yang diperolehi ialah 3.60, sisihan piawai 0.978. Namun apabila ditanya soalan penyediaan makanan dan minuman di asrama Darul Quran sesuai untuk saya sebagai penghafal al-Quran, nilai min yang diperolehi ialah 2.73, sisihan piawai 1.056 menunjukkan majoriti responden tidak berpuashati dengan tahap penyediaan makanan di Darul Quran. Ini perlu diteliti oleh pihak pentadbiran Darul Quran agar tahap penyediaan makanan kepada para pelajar sentiasa berada ditahap yang terbaik.

4.6 KESIMPULAN

Kehebatan seseorang penghafal al-Quran bergantung kepada sejauhmana mereka mengingati keseluruhan hafalan tersebut. Sekiranya mereka gagal mengingati ayat-ayat yang dihafal akan menyebabkan kerugian yang besar kepada mereka kerana proses untuk menghafal al-Quran bukanlah satu proses yang mudah.

Melalui analisis ini akan dapat memberikan gambaran sejauhmana penguasaan hafalan al-Quran penghafal-penghafal al-Quran yang mengikut program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran- UIAM ini.

BAB LIMA

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 PENGENALAN

Seperti yang telah dimaklumkan dalam bab tiga, kajian ini telah dijalankan ke atas 60 orang pelajar Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM- UIAM iaitu 30 orang pelajar lelaki dan 30 orang pelajar perempuan. Mereka juga merupakan pelajar semester tiga iaitu semester terakhir bagi program ini dan telah menamatkan hafalan 30 juzu' al-Quran. Kajian ini telah dijalankan berdasarkan beberapa pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah bebas berdasarkan aspek jantina dan sosioekonomi manakala pembolehubah ialah pencapaian hafalan bersandarkan skor ujian hafalan al-Quran secara lisan (syafawi) yang telah dilaksanakan.

Dalam kajian ini pelajar telah diminta untuk mengisi borang soalselidik dan menjalani ujian hafalan secara lisan. Kesemua hasil atau dapatan kajian ini dianalisis menggunakan SPSS dalam bentuk analisis statistik deskriptif dan analisis inferensi. Daripada analisis tersebut beberapa penemuan telah diperolehi berkaitan pencapaian hafalan pelajar dan permasalahannya. Selain itu, ujian-t juga telah digunakan untuk membuktikan terdapatnya perbezaan pada tahap pencapaian hafalan al-Quran dikalangan pembolehubah. Dalam bab empat, pengkaji telah memaparkan beberapa penemuan bagi menjawab soalan-soalan kajian. Walaubagaimanapun pemaparan itu dibuat dengan tidak melibatkan sebarang perbincangan. Dalam bab ini pengkaji akan memperlihatkan semula saripati kajian tersebut

melalui satu ulasan keseluruhan penemuan. Perbincangan dibuat berdasarkan pembolehubah-pembolehubah seperti jantina dan sosioekonomi.

5.1 PERBINCANGAN TENTANG PENEMUAN

Hasil daripada analisis yang dibuat terdapat beberapa penemuan yang diketengahkan oleh pengkaji khusus berkenaan pencapaian hafalan dan permasalahannya. Berikut ini akan dibincangkan hasil penemuan tersebut.

5.1.1 Pencapaian Hafalan Al-Quran Pelajar Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM- UIAM

Masalah kelemahan pelajar tahfiz dalam hafalan al-Quran bukan merupakan isu yang baru. Kewujudan banyak Maahad Tahfiz di Malaysia menimbulkan persoalan tentang kualiti hafalan al-Quran. Lebih-lebih lagi bagi Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM-UIAM ini kerana melibatkan tempoh masa yang pendek iaitu lapan belas bulan sahaja berbeza dengan pelajar-pelajar tahfiz lain yang mengambil masa sekurang-kurangnya tiga tahun.

Pemaparan data dalam bab empat telah menjawab persoalan tentang pencapaian hafalan al-Quran dalam kalangan pelajar-pelajar program ini. Berdasarkan analisis keseluruhan yang telah dijalankan, didapati tahap penguasaan hafalan dalam kalangan pelajar yang dikaji adalah kurang memuaskan. Pengiraan statistik deskriptif menunjukkan skor min bagi keseluruhan 60 orang pelajar ialah 1.85 dengan sisihan piawainya 0.971. Nilai ini

menunjukkan bahawa secara keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini mempunyai penguasaan hafalan yang kurang memuaskan.

Hasil penemuan menunjukkan bahawa daripada 60 orang pelajar yang diuji, hanya seorang (1.7%) yang berjaya mendapat pangkat mumtaz, 4 orang (6.7%) mendapat pangkat jayyid jiddan, 6 orang (10%) mendapat pangkat jayyid, 23 orang (38.3) mendapat pangkat maqbul dan selebihnya 26 orang (43.3%) gagal dalam ujian berkenaan. Ini bermakna hanya 56.7 % peratus atau 34 orang sahaja yang lulus dalam ujian ini, manakala 43.4% atau 26 orang gagal. Jumlah 26 orang atau 43.3% yang gagal adalah merupakan satu angka yang menggerunkan dan boleh dikatakan hampir separuh pelajar yang diuji gagal dalam ujian tersebut.

Keseluruhan penemuan ini membuktikan bahawa penguasaan pelajar-pelajar program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM adalah kurang memuaskan dan perlu diberikan perhatian serius. Jika perkara ini tidak ditangani dengan bijaksana dan bersungguh-sungguh dibimbangi akan memberi kesan yang buruk terhadap hafalan al-Quran pelajar terutama selepas mereka menamatkan pengajian di Darul Quran.

5.1.2 Pencapaian Hafalan Berdasarkan Jantina

Faktor jantina memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan dan perkembangan seseorang manusia. Ini berlaku kerana jantina seseorang samaada lelaki dan perempuan membawa perbezaan daripada segi fizikal dan mental. Justeru, faktor jantina dipercayai mempunyai kesan dan pengaruh terhadap prestasi pengajaran dan pembelajaran.

Sekiranya kita melihat kajian-kajian yang lepas, terdapat pelbagai dapatan yang berbeza, antaranya kajian berkenaan penguasaan hafalan yang dijalankan oleh Chiam (1972), Murad Mohd Nor (1973) Hussein Hj Ahmad (1979), Kamarudin Hj Husin (1986) menunjukkan kanak-kanak perempuan lebih baik prestasinya daripada kanak-kanak lelaki. Antara faktor yang diutarakan ialah kanak-kanak perempuan biasanya menerima kematangan yang lebih awal berbanding lelaki, selain daripada faktor sikap, kesungguhan, minat dan ketekunan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga dapatan kajian yang menunjukkan jantina tidak memainkan peranan penting dalam pencapaian membaca. Antaranya kajian oleh Supki Hj Sidik dan Abdul Wahid Mat (1995). Begitu juga dapatan kajian oleh Saidi bin Mohd (2006) berkenaan keupayaan bacaan al-Quran oleh pelajar-pelajar sekolah menengah di Terengganu yang mendapati faktor jantina tidak memainkan peranan penting.

Sementara itu, dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pembolehubah jantina untuk melihat sama ada pembolehubah jantina ini memberi kesan yang signifikan terhadap penguasaan hafalan pelajar. Hasil daripada ujian-t yang dilaksanakan, hasil yang diperolehi ialah $M=4.03$, $SD=1.159$ bagi responden lelaki dan $M=4.27$, $SD=0.740$ bagi responden perempuan, dengan nilai $t=-0.929$, $Sig=0.357 > 0.05$. Nilai ini menunjukkan tidak wujudnya perbezaan bagi tahap penguasaan hafalan al-Quran di kalangan responden lelaki dan perempuan.

Justeru, walaupun terdapat perbezaan fizikal dan mental antara lelaki dan perempuan, namun dalam aspek penguasaan hafalan tidak terdapat perbezaan bagi kedua-dua kelompok tersebut.

5.1.3 Pencapaian Hafalan Berdasarkan Tahap Sosioekonomi

Faktor perbezaan sosioekonomi sering memberi impak dalam banyak perkara. Begitu juga dalam aspek pembelajaran. Kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan dapatan yang berbeza. Antaranya kajian oleh Asiah Abu Samah (1977), Awang Mohd Amin (1982) dan Kamarudin Hj Husin (1984) yang mendapati faktor sosioekonomi dengan penguasaan bahasa menunjukkan terdapat pertalian antara prestasi bahasa pelajar dengan status sosioekonomi keluarga mereka.

Kajian-kajian lain seperti yang dihasilkan oleh Hamzah Yusuf (1993), Hafsah Abd Ghani (1984) dan Abdul Wahid Mat (1995) juga menghasilkan dapatan yang menunjukkan terdapat pertalian yang kuat antara tahap sosioekonomi dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian-kajian ini mendapati kumpulan pelajar yang datang daripada keluarga yang mempunyai sosioekonomi yang tinggi akan menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding golongan yang lain. Antara faktor yang menyebabkan perbezaan ini ialah pelajar daripada keluarga yang mempunyai sosioekonomi yang tinggi lebih terdedah dengan banyak kemudahan pembelajaran disamping kebiasaanya belajar dikawasan Bandar yang mempunyai pelbagai kemudahan. Selain itu, kebiasaanya keluarga yang mempunyai sosioekonomi yang rendah kurang memahami kepentingan pendidikan dan mereka memberikan pendidikan secala ala kadar kepada anak-anak disebabkan kemiskinan mereka. Bahkan terdapat pelajar yang terpaksa berhenti belajar kerana kesempitan hidup.

Justeru, hal ini telah merangsang pengkaji untuk melihat pencapaian hafalan al-Quran di kalangan pelajar berdasarkan status sosioekonomi mereka. Secara keseluruhan, kajian yang

dijalankan mendapati kumpulan yang status sosioekonomi keluarganya tinggi menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam penguasaan hafalan berbanding kumpulan yang lain. Skor min yang diperolehi oleh kumpulan ini ialah 2.00 berbanding 1.78 bagi sosioekonomi sederhana dan 1.75 bagi kumpulan sosioekonomi rendah. Namun demikian nilai perbezaan tersebut tidaklah terlalu tinggi.

5.2 KESIMPULAN

Seperti yang telah dimaklumkan, kajian ini dibuat untuk melihat penguasaan hafalan al-Quran di kalangan pelajar-pelajar yang mengikuti Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM – UIAM. Penguasaan hafalan ini diukur melalui pembolehubah bersandar iaitu Ujian Hafalan al-Quran secara lisan (*syafawī*). Selain itu penguasaan ini juga dilihat melalui pembolehubah tidak bersandar iaitu jantina dan sosioekonomi.

Sebagai kesimpulan, hasil daripada ujian yang telah dijalankan, didapati terdapat kelemahan yang sangat ketara dalam aspek hafalan al-Quran bagi pelajar-pelajar Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM – UIAM. Kebanyakan pelajar hanya mampu menguasai juzu' satu hingga lima dan juzu' *amma* sahaja. Selain itu kebanyakan pelajar hanya mampu menjawab soalan-soalan di awal surah dan awal juzu' sahaja. Kegagalan pelajar menjawab soalan-soalan ujian dengan baik menampakkan masalah penguasaan hafalan sangat membelenggu pelajar-pelajar program berkenaan.

Keputusan ujian ini juga selari dengan soalan soal selidik yang telah dikemukakan kepada mereka. Antaranya apabila ditanya samaada pelajar tersebut berpuashati dengan pencapaian

hafalan, hanya 4 orang daripada 60 orang pelajar yang menyatakan setuju atau berpuas hati. Begitu juga soalan berkenaan 'juzu-juzu' yang diingati. Ianya selari dengan dapatan daripada ujian hafalan yang telah dilaksanakan.

Manakala, pencapaian hafalan yang diukur berdasarkan jantina mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan pembolehubah tersebut. Ini menunjukkan kedua-dua golongan ini samaada lelaki mahupun perempuan mempunyai peluang sama rata untuk menguasai hafalan al-Quran.

Namun daripada aspek sosioekonomi, pelajar yang datang daripada sosioekonomi yang tinggi dilihat lebih menguasai hafalan al-Quran berbanding golongan lain. Namun perbezaan ini tidaklah terlalu besar dan menggambarkan golongan sederhana dan susah juga boleh menguasai hafalan al-Quran dengan baik.

Daripada aspek permasalahan pula, secara kesimpulannya terdapat beberapa elemen yang menjadi masalah kepada pelajar untuk menguasai hafalan al-Quran. Antaranya diri sendiri, keluarga, guru tasmi', kakitangan Darul Quran, persekitaran dan juga program pengajian tersebut. Segala permasalahan ini perlu diteliti untuk memastikan pelajar-pejar program ini juga mampu menguasai hafalan dengan baik.

5.3 CADANGAN

Kajian mengenai hafalan al-Quran banyak dilakukan oleh para pengkaji. Ini kerana bidang ini adalah sangat penting khususnya bagi menjaga dan memelihara keaslian al-Quran.

Kajian-kajian yang telah dijalankan tersebut meliputi pelbagai aspek termasuk mengenai pencapaian hafalan, kaedah hafalan, permasalahan hafalan dan lain-lain. Setiap kajian tersebut mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing. Manakala kajian ini pula lebih mengfokus kepada aspek penguasaan hafalan al-Quran dan permasalahannya dalam kalangan pelajar-pelajar Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM – UIAM.

Walaupun sudah terdapat pelbagai cadangan dan saranan untuk menambah baik penguasaan hafalan al-Quran serta pelbagai tindakan yang diambil namun masalah penguasaan hafalan ini masih berterusan. Pengkaji melihat sehingga hari ini masalah ini masih membelenggu para pelajar tahfiz al-Quran. Oleh itu kajian ini cuba mengetengahkan beberapa cadangan dan idea khususnya bagi penambahbaikan Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM– UIAM. Pengkaji akan memecahkan cadangan ini kepada beberapa aspek.

5.3.1 Pelajar

Para pelajar yang menceburi bidang hafalan al-Quran perlu menyedari amanah dan tanggungjawab yang dipikul atas diri mereka. Apabila mereka telah mengambil keputusan untuk menghafal al-Quran, maka pemikiran dan jiwa mereka seharusnya berubah ke arah pemikiran dan jiwa sebagai seorang penghafal al-Quran.

Sebagai penghafal al-Quran mereka perlu memiliki akhlak terpuji dengan menjadikan Rasulullah sebagai model dan ikutan. Firman Allah S.W.T:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ

الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan Yang baik, Iaitu bagi orang Yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

Surah al-Ahzab:21

Selain itu, para pelajar perlu menyedari tempoh yang diperuntukkan untuk program ini terlalu singkat iaitu lapan belas bulan sahaja. Menjadi kewajipan kepada para pelajar untuk mengandakan usaha bagi memantapkan hafalan mereka. Mereka seharusnya menjauhkan diri daripada sikap malas dan alpa yang boleh menggugat hafalan mereka. Para pelajar perlu menyediakan waktu yang secukupnya untuk menghafal dan mengulang hafalan. Seseorang penghafal al-Quran yang baik bukan sahaja mampu menghafal dalam tempoh masa yang ditetapkan tetapi dalam masa yang sama mampu mengingati hafalan mereka. Justeru, perancangan masa haruslah diberi keutamaan oleh para pelajar. Para pelajar juga perlu menitikberatkan teknik hafalan dan ulangan yang baik. Mereka tidak seharusnya hanya menumpukan kepada hafalan baru semata-mata, tetapi dalam masa yang sama mengambil berat ulangan hafalan yang lepas. Justeru, mereka sepatutnya menggunakan teknik hafalan yang baik untuk memantapkan hafalan mereka.

Selain itu, aspek ibadah juga harus diberi penekanan oleh para pelajar. Apabila menceburi bidang hafalan al-Quran, para pelajar perlu mempertingkatkan lagi ibadah mereka khususnya *qiyāmullail* atau ibadah malam. Firman Allah S.W.T:

﴿ لَيْسُوا سَوَاءً ۗ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ يَتْلُونَ آيَاتِ اللَّهِ ءَانَاءَ

الَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ ﴿١١٣﴾

Ahli-ahli Kitab itu tidaklah sama. di antaranya ada golongan Yang (telah memeluk Islam dan) tetap (berpegang kepada ugama Allah Yang benar) mereka membaca ayat-ayat Allah (Al-Quran) pada waktu malam, semasa mereka sujud (mengerjakan sembahyang).

Surah ali-Imran: 113

Para pelajar mesti malazimkan diri untuk bangun di waktu malam dan menggunakan waktu tersebut untuk mengulang hafalan dalam solat malam seperti *tahajjud* dan solat *hifzul quran*. Di samping ibadat malam, para pelajar juga perlu menjaga solat berjemaah yang merupakan sunnah Rasulullah.

5.3.2 Guru

Guru memainkan peranan penting dalam membina peribadi pelajar khususnya dalam aspek penghafalan al-Quran. Guru yang membimbing dalam bidang hafalan al-Quran dikenali sebagai guru tasmi' iaitu guru yang mendengar bacaan hafalan al-Quran dan memastikan hafalan tersebut dikuasai oleh seseorang pelajar. Dalam program ini, guru tasmi' akan membimbing pelajar lima kali seminggu daripada hari isnin hingga jumaat selama tiga jam sehari kecuali waktu cuti yang telah ditetapkan. Sudah semestinya tempoh tersebut adalah tempoh yang panjang bagi para pelajar.

Seseorang guru yang baik akan memastikan para pelajarnya mampu menguasai hafalan al-Quran dengan baik. Para guru tersebut akan membimbing pelajar untuk menghafal dan

mengulang hafalan. Dalam tempoh lapan belas bulan ini, sepatutnya para guru akan mengenali pelajar tersebut dengan baik termasuk daripada aspek personaliti, sikap dan perangai pelajar tersebut. Para guru tersebut bukan hanya menjaga daripada aspek hafalan semata-mata, bahkan lebih daripada itu dengan mendidik sikap dan akhlak para pelajar agar berakhlak dengan akhlak al-Quran.

Namun begitu, terdapat guru yang hanya mementingkan sukatan pelajaran (*muqarrar*) semata-mata iaitu hanya memastikan para pelajar dapat menghafal mengikut sukatan yang telah ditetapkan tanpa menjaga daripada aspek kualiti hafalan. Guru-guru ini hanya masuk ke kelas untuk mendengar hafalan baru pelajar semata-mata. Daripada aspek ulangan hafalan tidak dititikberatkan dan yang lebih malang lagi terdapat guru yang tidak menghiraukan aspek personaliti dan akhlak pelajar. Para pelajar dibiarkan masuk lewat ke kelas, tidak mengulang hafalan, tidak berdisiplin di dalam kelas dan bermacam-macam ragam lagi. Ini menyebabkan lahirnya pelajar yang tidak mampu menguasai hafalan dengan baik, tidak berdisiplin dan mengabaikan hafalan mereka.

Justeru para guru seharusnya menyedari peranan yang dimainkan mereka sangat besar dalam memastikan para pelajar mampu menguasai hafalan dengan baik. Pengajaran di dalam kelas bukan hanya mengfokus kepada hafalan baru semata-mata tetapi menumpukan juga aspek ulangan hafalan lepas dan pendidikan akhlak para pelajar. Para guru juga perlu kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Memastikan para pelajar mengikuti kaedah dan cara yang terbaik dalam hafalan. Di samping itu, para guru juga boleh mengatur pembelajaran di luar kelas seperti *rehlah* atau perkemahan di luar. Ini akan dapat membantu proses pembelajaran para pelajar.

5.3.3 Iubapa dan keluarga

Iubapa dan keluarga adalah merupakan pendorong utama kepada seseorang pelajar dalam pembelajarannya terutama dalam bidang hafalan al-Quran. Bidang ini adalah merupakan bidang yang sangat susah bagi seseorang pelajar. Mereka perlu menghafal 30 juzu' al-Quran dalam ingatan mereka. Lebih-lebih lagi bagi Program SIjil Tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM- UIAM ini. Tempoh masa yang ditetapkan terlalu singkat sehingga mengakibatkan tekanan kepada para pelajar.

Sehubungan itu, iubapa perlu memainkan peranan untuk menaikkan semangat dan motivasi para pelajar bagi menamatkan pengajian dan menguasai hafalan al-Quran. Sekiranya terdapat masalah dalam diri anak-anak tersebut, iubapa seharusnya berbincang dengan pelajar tersebut, para guru dan pihak pentadbiran agar kebajikan pelajar tersebut dapat dijaga. Iubapa juga perlu mengambil tahu pembelajaran anak-anak terutamanya dalam hafalan al-Quran dan sering bertanya kepada guru tasmi'.

Selain itu, iubapa juga perlu menjaga suasana di rumah agar sesuai dengan anak-anak tersebut. Iubapa perlu memastikan hiburan yang ada di dalam rumah tidak berlebihan dan mampu menggugat hafalan para pelajar. Iubapa juga perlu memberikan contoh tauladan yang baik kepada anak-anak mereka khususnya dalam aspek sikap dan ibadah.

5.3.4 Darul Quran

Dalam kajian ini membuktikan penguasaan hafalan yang lemah di kalangan para pelajar program ini. Sehubungan itu, pihak Darul Quran perlu menyemak semula kelemahan-kelemahan yang ada dalam program ini. Antaranya ialah:

i) Kelemahan yang paling ketara dalam program ini ialah ketiadaan teknik atau kaedah hafalan yang khusus kepada para pelajar program ini. Tanggungjawab ini hanya diletakkan kepada guru tasmi' semata-mata. Sekiranya guru tasmi' tersebut berkemahiran dan mampu mendidik pelajar dengan baik maka akan baiklah pelajar tersebut dan begitulah sebaliknya. Dalam bidang penghafalan al-Quran tiga perkara perlu diberi penekanan iaitu:

a) Hafalan Baru

Hafalan baru merupakan ayat-ayat yang dihafal oleh para pelajar dan diperdengarkan kepada guru tasmi'. Daripada sudut pemerhatian pengkaji, para pelajar program ini tidak ada masalah untuk menghafal hafalan baru walaupun dengan bilangan ayat yang banyak. Namun disebabkan sukatan yang banyak pada setiap semester para pelajar terpaksa meluangkan masa yang lebih bagi hafalan baru. Namun terdapat pelajar yang berjaya menghabiskan hafalan baru dalam tempoh yang singkat iaitu kurang daripada setahun. Kebanyakan pelajar juga berjaya menghabiskan hafalan baru mengikut masa yang ditetapkan.

b) Ulangan baru

Selepas menghafal hafalan baru, para pelajar mesti memastikan hafalan tersebut benar-benar diingat dengan membuat ulangan baru. Dalam aspek ini, para pelajar program ini tidak diberikan penekanan untuk membuat ulangan baru. Kebanyakan pelajar hanya menitikberatkan hafalan baru. Ketiadaan sistem ulangan yang sistematik juga menyebabkan para pelajar kurang memberikan penekanan dalam aspek ini. Darul Quran seharusnya memikirkan untuk membuat sistem ulangan yang bersesuaian. Pemerhatian juga harus dilakukan kepada sistem hafazan yang ada, antaranya kaedah Turki yang menitikberatkan sistem ulangan atau dikenali dengan nama *has* bagi memastikan para pelajar yang mengikuti kaedah ini mantap dari sudut hafalan mereka. Para pelajar yang mengikuti kaedah ini juga akan menduduki *imtihan syahadah* bagi membuktikan dan mengesahkan kemantapan hafazan mereka. Kajian oleh Abdul Hafiz bin Abdullah dan Norhanan binti Abdul Rahman daripada Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia mendapati kelas ulangan merupakan salah satu cara untuk memastikan mereka cekap dalam 30 *juzu'* al-Quran.⁶² Sehubungan itu, Darul Quran perlu memastikan ulangan baru para pelajar perlu dilaksanakan mengikut kaedah yang bersesuaian merujuk kepada kaedah sedia ada.

c) Ulangan lama

Selain membuat ulangan baru, para pelajar juga perlu membuat ulangan lama bagi memastikan hafalan al-Quran mereka benar-benar mantap. Kebanyakan pelajar tahfiz yang mantap hafazan mempraktikkan kaedah ulangan baru dan lama yang baik dan sistematik. Antaranya kaedah huffaz yang membuat sistem gundalan atau penandaan yang

⁶² Abdul Hafiz bin Abdullah dan Norhanan binti Abdul Rahman (2000), *Kaedah hafazan al-Quran sistem Turki: Kajian di Tahfiz al-Quran Darul Tuba*, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, h. 10

sistematik. Darul Quran boleh menjadikan kaedah huffaz ini sebagai model bagi memastikan para pelajar membuat ulangan terhadap hafalan mereka. Selain itu sistem hafazan daripada Pakistan dan India yang menitikberatkan hafalan baru yang dikenali sebagai *sabaq* dan hafalan lama yang dikenali *amokhtah* juga boleh dijadikan model. Para pelajar yang tidak mantap hafazan mereka tidak dibenarkan untuk menghafal hafalan baru.

Sehubungan itu Darul Quran seharusnya merangka satu kaedah atau teknik hafalan al-Quran yang khusus kepada para pelajar program ini. Darul Quran perlu menyediakan pasukan khas untuk merangka dan membuat kaedah hafazan dan ulangan al-Quran yang bersesuaian bagi pelajar program ini. Pasukan khas ini mestilah dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang hafalan al-Quran, akhlak, psikologi, dan lain-lain bagi memastikan semua aspek dapat dikaji dengan baik.

ii) Mengkaji tempoh masa yang terlalu singkat bagi para pelajar dalam program ini untuk menghafal al-Quran. Darul Quran perlu membuat kajian terperinci bagi menentukan tempoh masa yang sesuai agar para pelajar benar-benar dapat menguasai hafalan al-Quran. Darul Quran dicadangkan agar dapat mengadakan Bengkel dengan menjemput pakar-pakar dalam bidang hafazan al-Quran bagi membincangkan isu ini.

iii) Selain itu aspek pemantauan juga harus diberikan penekanan agar para guru dapat melaksanakan tugas dengan lebih baik. Sehubungan itu Jabatan al-Quran yang bertanggungjawab dalam aspek pemantauan perlu diperkasakan. Dicapadangkan kepada

pihak Jabatan al-Quran agar dapat menilai kembali prosedur pemantauan agar pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

iv) Kebanyakan guru-guru tasmi' yang dilantik dalam program ini merupakan guru tasmi' jemputan yang bukannya kakitangan tetap Darul Quran. Mereka ini juga tidak didedahkan dengan kursus-kursus pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, pihak Darul Quran seharusnya mengambil langkah proaktif dengan menghantar guru-guru tasmi' ini menghadiri kursus-kursus untuk meningkatkan kemahiran mereka. Selain itu, pihak Darul Quran juga perlu memikirkan untuk menyediakan guru-guru tasmi' berjawatan tetap di Darul Quran. Ini bagi memastikan para guru tersebut akan lebih terjaga dalam aspek kebajikan mereka selain akan lebih mudah dipantau berbanding guru-guru tasmi' jemputan. Justeru, Darul Quran perlu mencadangkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi mewujudkan perjawatan yang sesuai.

v) Selain itu, pihak Darul Quran juga perlu meningkatkan kualiti prasarana khususnya kelas-kelas tasmi'. Kelas-kelas ini perlu dipastikan bersesuaian dan selesa bagi para pelajar. Begitu juga prasarana yang lain seperti asrama, padang-padang permainan, dewan makan dan lain-lain. Kesemua kemudahan ini perlu dipastikan mengikut piawaian yang bersesuaian bagi seorang penghafal al-Quran.

vi) Pihak Darul Quran juga perlu memberi penekanan dalam aspek kemahiran insaniah kepada para pelajar. Para pelajar tidak seharusnya ditumpukan dalam aspek pembelajaran semata-mata tanpa dilibatkan dengan program-program kepimpinan dan kemasyarakatan.

Justeru, peranan persatuan pelajar perlu diperkasakan agar dapat merangka program-program luar yang bersesuaian kepada para pelajar.

5.4 CADANGAN KAJIAN SUSULAN

Kajian berkenaan hafalan al-Quran terutamanya daripada aspek penguasaan hafalan, permasalahan dan kaedah hafalan perlu diperbanyakkan. Ini bagi memastikan bidang hafalan al-Quran ini akan sentiasa diberi penekanan. Secara keseluruhan, masih terdapat banyak lagi perkara yang belum dikaji untuk melengkapkan dan menyempurnakan kajian ini. Justeru, pengkaji ingin mengusulkan beberapa saranan dan cadangan untuk kajian susulan.

1. Kajian ini hanya melibatkan Program Sijil Tahfiz al-Quran Darul Quran-UIAM sahaja. Pemilihan program ini dibuat bagi melihat penguasaan hafalan pelajar yang mengikuti program ini yang berbeza dengan program lain. Dicadangkan supaya kajian-kajian akan datang dapat mengfokus kepada program-program yang lain yang mungkin mempunyai pendekatan yang berbeza dengan program ini.
2. Kajian ini hanya melibatkan pelajar yang berada di Darul Quran dan sedang mengikuti pengajian di tahun akhir dan juga telah menghabiskan hafalan al-Quran 30 juzu'. Justeru dicadangkan agar kajian-kajian akan datang mengfokus kepada graduan-graduan program ini iaitu bekas pelajar yang telah menamatkan pengajian.

3. Dalam kajian ini hanya mengfokus kepada pencapaian hafalan dan permasalahan sahaja. Kajian-kajian akan datang boleh mengfokus kepada bidang-bidang yang diceburi oleh graduan tahfiz selepas menamatkan pengajian. Selain itu, boleh juga mengfokus kepada bidang kerjaya yang diceburi dan bagaimana mereka mengekalkan hafalan al-Quran.